


Jilid III
Bil. 18



Hari Jumaat
13hb Julai, 1973

MALAYSIA

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2043]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973) [Ruangan 2079]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

Kepala-kepala B. 1, B. 3, B. 5, B. 7, B. 9 dan B. 12 [Ruangan 2082]

Kepala B. 14 [Ruangan 2113]

Kepala B. 18 [Ruangan 2119]

Kepala B. 15 [Ruangan 2127]

Kepala B. 61 [Ruangan 2128]

Kepala B. 17 [Ruangan 2128]

Kepala-kepala B. 22 dan B. 24 [Ruangan 2129]

Kepala B. 26 [Ruangan 2132]

KANDUNGANNYA---(sambungan)
RANG UNDANG-UNDANG---(sambungan)

Jawatankuasa---(sambungan)

Jadual Kedua:

Kepala-kepala B. 7 dan B. 10 [Ruangan 2082]
Kepala B. 12 [Ruangan 2104]
Kepala B. 20 [Ruangan 2119]
Kepala B. 25 [Ruangan 2129]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1972 [Ruangan 2079]

Jawatankuasa---

Kepala P. 13 [Ruangan 2105]
Kepala P. 18 [Ruangan 2119]
Kepala P. 61 [Ruangan 2128]
Kepala P. 21 [Ruangan 2129]
Kepala P. 26 [Ruangan 2132]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1973 [Ruangan 2079]

Jawatankuasa---

Kepala-kepala P. 7 dan P. 10 [Ruangan 2082]
Kepala P. 14 [Ruangan 2105]
Kepala P. 15 [Ruangan 2128]
Kepala P. 26 [Ruangan 2129]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Sistem Ejaan Baru Bahasa Malaysia [Ruangan 2137]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Jumaat, 13hb Julai, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V.T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bharu Timor).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan dan Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- .. DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- .. Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- .. TAN SRI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- .. PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- .. DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- .. TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, A.M.N., S.M.K., J.S.M., J.P. (Sungei Patani).
- .. DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- .. TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- .. TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- .. TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- .. TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

Yang Berhormat TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang-Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MUHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R.C.M. RAYAN *alias* R.C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan
Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ
BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J.
(Johor Timur).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM,
P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED
GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O.,
O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P.
(Menglembu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
(Kota Star Selatan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

„ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAİK (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KOMINIS—KEGIATAN

1. **Tuan Haji Abdul Wahab Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang adanya setengah-setengah ahli bekas pasukan bersenjata yang terlibat dengan gerakan kominis akibat dari tekanan hidup sebagaimana yang dikatakan oleh seorang Ketua Bekas Pasukan Bersenjata, baru-baru ini. Jika sedar, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan dari berlakunya keadaan seperti ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bukti yang menunjukkan bekas-bekas anggota Polis atau Angkatan Tentera ada terlibat dengan kegiatan Kominis. Oleh itu soal mengambil langkah untuk mengelakkan dari berlakunya perkara ini tidaklah berbangkit.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa banyak daripada bekas-bekas angkatan tentera dan polis yang sekarang berada dalam keadaan gelisah, kerana mereka tidak begitu mendapat tempat istimewa dalam beberapa lapangan pekerjaan dan sebagainya. Apakah tindakan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu tidak jelas, istimewa yang macammana yang dimaksudkannya?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tidak begitu jelas, maka biarlah saya ulangi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa banyak daripada bekas-bekas angkatan tentera dan polis yang sekarang ini berasa tidak puas hati, kerana mereka tidak dapat berjaya dalam menempohkan kehidupan seimbang dengan orang-orang lain dalam mendapatkan taraf hidup yang lebih baik mengikut keadaan masa ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara ini Kerajaan memang sedar, maka dengan sebab itulah samada bekas-bekas tentera dan bekas-bekas polis pihak Kerajaan ada bahagian-bahagian tertentu untuk mengambil berat tentang nasib mereka itu setelah mereka berhenti daripada jawatan-jawatan mereka. tetapi perkara mereka itu terlibat dalam pergerakan kominis, itu tidak ada.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa bekas-bekas tentera tidak ada terlibat dengan hal yang tersebut. Tidakkah Yang Berhormat itu ada membaca berita yang disuarakan oleh bekas Ketua Pasukan Tentera yang sekarang ini menjadi Ketua Persatuan Bekas Perajurit Malaysia? Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri itu membaca, tidakkah beliau hendak menafikan tentang kenyataan ini di mana mendatangkan perasaan yang kurang memuaskan?

Tuan Yang di-Pertua: Berapa haribulan berita itu dan di mana berita itu?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Bagaimana soal yang telah saya katakan itu yang telah tercatat iaitu sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentu tahu berita yang

Tuan Yang di-Pertua: Tentu tahu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tentu tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tanya dia.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Jawapan saya sama dengan jawapan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri berkata bahawa Kerajaan sedar tentang kesusahan tentera-tentera. Apa yang saya ketahui di antara kesusahan tentera-tentera sekarang ini mengalami ialah kekurangan perumahan pertama, dan yang kedua Lapuran Sheikh Abdullah itu tidak memberi gaji yang cukup untuk pegawai-pegawai seperti Major atau Colonel dan lain-lain dalam Armed Forces dan dengan demikian itu, bolehkah Kerajaan menimbang apa-apa langkah yang sesuai yang boleh mengatasi dengan segera tiap-tiap kesusahan yang seperti itu?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu get the wrong end of the stick. Soal yang di hadapan kita ini ialah bekas polis dan bekas anggota tentera dan sudah tentulah mereka itu tidak ada gaji, kalau adapun pencen ataupun gratuity. Soal yang Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan ialah soal gaji dan perumahan ahli-ahli yang sedang berkhidmat.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya itu adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Berkait itu manapun berkaitan (*Ketawa*).

Tuan Goh Hock Guan: Tetapi dia tidak mahu menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tuan tidak tepat dan tidak berkenaan dengan soalan yang asal.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan di dalam Dewan ini dan saya

minta Menteri itu sabar sedikit, tentang penyelarasan yang dibuat oleh unit yang berada di Kementerian itu yang dikatakan unit Veteran dengan Kementerian-kementerian yang lain misalnya Kementerian Perhubungan, Kementerian Tugas-tugas Khas dan Kemajuan Tanah dan lain-lain Kementerian, kerana mengikut apa yang saya tahu dalam bahagian kenderaan bekas-bekas perajurit ini cukup berasa dukacita kerana mereka tidak dapat keistimewaan dalam mendapat permit teksi.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan bekas perajurit iaitu bekas angkatan tentera, perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pertahanan dan bagi bekas-bekas Polis dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada bahagian yang menguruskan perkara bekas-bekas anggota Polis samada yang berpencen ataupun yang tidak berpencen. Langkah awal kita sekarang ini ialah untuk menguatkan dan memperbesar Persatuan Bekas-bekas Polis dan Polis Pencen. Pihak Kerajaan memang sangat mengambil berat untuk memperbesar dan menolong serta bekerjasama supaya berapa boleh setiap bekas Polis dan Polis yang pencen itu dimasukkan ke dalam Persatuan ini supaya segala kehendak mereka itu dapat mudah dipertimbangkan supaya mereka mempunyai satu suara dengan mana pihak Kerajaan mudah berunding. Dan selain daripada itu, dalam beberapa perkara pihak bekas polis termasuk bekas tentera adalah memang mendapat layanan yang lebih istimewa memandangkan hakikat bahawa mereka itu adalah bekas Pasukan Keselamatan negara kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mengatakan di dalam Dewan ini tentang apakah Yang Berhormat itu sedar ada perasaan tidak puas hati di kalangan bekas polis dan tentera yang berpencen sebelum tahun 1958 di mana mereka itu telah ketinggalan dalam soal kenaikan pencen, sedangkan mereka yang berpencen selepas tahun 1958 mereka adalah dinaikkan pencennya. Adakah Yang Berhormat itu sedar dan apakah tindakannya.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perasaan tidak puas hati di kalangan setengah-setengah golongan itu

memang Kerajaan sedar dan perkara pencen itu adalah di dalam kajian Kerajaan sekarang ini.

GADIS-GADIS HILANG DARI RUMAH

2. **Tuan Hashim bin Gera** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah gadis-gadis yang didapati hilang dari rumah mereka masing-masing dalam tempoh enam bulan yang lalu dengan memberikan bangsanya;
- (b) dari jumlah ini, berapa orang dari mereka yang telah dijumpai; dan
- (c) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah gadis-gadis yang didapati hilang dari rumah mereka masing-masing dalam tempoh 6 bulan di antara 1-1-73 hingga 30-6-73 adalah seramai 164 orang kesemuanya. Saya tidak akan memberikan perangkaan mengikut ras ataupun keturunan seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana ini bertentangan dengan amalan yang dilakukan oleh Kementerian saya.
- (b) Dari jumlah ini 47 orang daripada mereka telah dijumpai.
- (c) Untuk makluman Dewan ini, ada beberapa sebab yang membuat anak-anak gadis melarikan diri daripada rumah mereka. Setengah daripadanya meninggalkan rumah tanpa apa-apa tujuan, ada yang lain-lain hanya bertujuan untuk melepaskan diri daripada kawalan dan jagaan ibubapa dan ada juga setengah daripada mereka itu yang agak dewasa meninggalkan rumah untuk mencari pengalaman dengan mengembara.

Perkara ini boleh menimbulkan satu masalah sosial. Kerajaan tidaklah dapat mengatasinya tanpa kerjasama dari segi kawalan dan jagaan ibubapa di rumah mereka sendiri. Pihak Kerajaan hanyalah dapat membuat sesuatu sekiranya perkara ini dilaporkan.

Ada beberapa Jabatan Kerajaan yang menyelenggarakan dan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini. Badan-badan yang berkaitan itu adalah Jabatan Ugama di

Negeri-negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga pihak Polis.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan. Adakah apa-apa tanda yang menunjukkan gadis-gadis ini atau sebahagian daripada mereka telah tergoda menceburkan diri dalam pelacuran?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setengahnya ada.

ANASIR KOMINIS—BASMI

3. **Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan mengambil tindakan untuk membasmikan anasir-anasir kominis yang telah mencerooboh masuk ke dalam Persatuan Cina Malaysia (MCA) seperti yang dinyatakan dan diakui oleh Presidennya.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya, ya. Pihak Polis sedang menyiasat atas kenyataan yang dibuat oleh Presiden Persatuan Cina Malaysia (MCA) bagi menentukan samada anasir-anasir Komimis telah mencerooboh masuk ke dalam Parti itu. Tindakan akan diambil di bawah undang-undang yang ada sekarang jika didapati anasir-anasir tersebut menjalankan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa ramaikah anasir kominis yang telah didapati mencerooboh masuk dalam Parti MCA?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tak berapa jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba lagi sekali!

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya tadi, bolehkah Timbalan Menteri itu memberitahu Dewan ini berapa ramai anasir-anasir kominis yang telah masuk menyeludup dalam MCA?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tak boleh diberitahu.

Tuan Hor Cheok Foon: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu samada benar tuduhan mengenai infiltration anasir-anasir kominis itu ialah

scare-mongering sahaja oleh Presiden M.C.A. untuk menjatuhkan musuh politiknya dalam M.C.A.?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tanyalah Presiden M.C.A. sendiri.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri berkata dia tidak boleh beritahu angka anasir komunis yang sekarang sudah masuk dalam M.C.A., tetapi bolehkah dia beritahu satu estimate, banyakkah atau sedikit anasir komunis yang menyeludup masuk dalam M.C.A.?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tak boleh beritahu dalam Dewan ini, kerana ini adalah perkara stratji. Kalau kita beritahu nanti pihak anasir itu tahulah di mana dia hendak lari menyeludup. Kalau kita tahupun, kita tak boleh beritahu dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan V. David: Jadi kalau macam itu Parti M.C.A. boleh hidup, tetapi kalau lain parti, Kerajaan akan tarik.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya yang sebenar?

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah saya hendak tahu kalau Kerajaan ada mengambil tindakan sehingga ini berapa orang sudah kena tangkap dan berapa orang sudah kena tahan daripada ahli M.C.A.?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam parti lain pun kita tak beritahu. Kalau kita tangkappun anasir itu sahaja, tetapi parti itu kita tidak haramkan.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Pilihanraya Umum tahun 1969 ada seorang tokoh (expert) anti-communist dari Taiwan telah datang ke negara ini dan dia masuk M.C.A. dan tugas-tugas istimewanya ialah mencari anasir komunis seperti ini. Bolehkah Timbalan Menteri beritahu faedah atau hasil yang sudah diperolehi oleh pakar itu? Kalau maklumat itu kita tidak boleh tahu, tetapi dia sudah tahu dan maklumat ini dia sudah bawa balik ke Taiwan. Oleh itu, saya harap Timbalan Menteri beri kita tahu sedikit sebab kita tak mahu orang-orang yang sudah ditangkap ialah orang yang menentang Presiden M.C.A. sahaja.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal expert anti-komunis daripada Taiwan adalah soal lain daripada soal yang dihadapan kita ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri memberi penerangan definisi anti-komunis. Adakah siapa-siapa yang membangkang Presiden M.C.A. mereka itu semua komunis?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu apa kena-mengena dengan soal ini?

Tuan V. David: Macam mana, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau dalam hati sendiri hendak bertengkar, carilah masa yang lain daripada masa ini; itu boleh bertengkar—bertumbuhpun boleh (*Ketawa*).

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang komunis dan siapa yang tidak komunis bagaimana Timbalan Menteri tahu. Baharu sahaja satu krisis dalam M.C.A. Kerajaan mengatakan ada anasir-anasir masuk dalam M.C.A. sampai sekarang tidak diberitahu. Bagaimana definisinya (definition) who is a communist and who is not a communist, bolehkah diberi penerangan?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat itu lebih tahu lagi, kerana dia sudah bergelumang dengan komunis dahulu (*Ketawa*).

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Saya hendak bertanya. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah bergelumang dengan komunis!

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Ya.

Tuan V. David: Barangkali Timbalan Menteri.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang bertanggungjawab sedar iaitu ada atau tidak ahli-ahli M.C.A. ini yang mengagung-agungkan komunis Cina?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal yang di hadapan kita ini ialah soal anasir-anasir komunis yang masuk ke dalam M.C.A. jadi soal mengagung-agungkan negeri Cina Komunis itu, soal lain.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu iaitu jikalau ada orang-orang yang mengagung-agungkan Cina Komunis dan sebagainya itu adalah subversive, dan dengan sebab itu saya katakan bahawa itu adalah anasir-anasir jahat. Itulah sebabnya saya mengatakan ada atau tidak dalam parti M.C.A. ini?

Tuan Yang di-Pertua: Itu sungguhpun saya suka hendak mendengar jawapan itu, tetapi itu lain daripada soalan ini, mengagung-agungkan itu lain.

Tuan V. David: Ada juga Timbalan Menteri mengatakan, ada anasir-anasir dalam M.C.A., tidakkah ada anasir dalam UMNO dan M.I.C.?

Tuan Yang di-Pertua: Ini saya kata soalan lain.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan ini, bolehkah Timbalan Menteri memberi satu jaminan iaitu Kerajaan mestilah jangan campur dalam krisis M.C.A. dan dengan yang demikian, bolehkah Kerajaan memberi satu jaminan supaya jangan mensifatkan tiap-tiap orang yang menentang pemimpin M.C.A. adalah satu anasir komunis, bolehkah diberi satu jaminan?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelaskan dalam jawapan saya mula-mula tadi, Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap anasir-anasir komunis dan subversive di dalam MCA dan perkara-perkara lain itu bukan soal Kerajaan.

BARANG-BARANG KEPERLUAN

4. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan memandang kepada kenaikan harga barang-barang keperluan pada masa sekarang, adakah Kerajaan bercadang untuk memberhentikan buat sementara kutipan Cukai Pendapatan untuk meringankan beban yang dipikul oleh rakyat.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar

bahawa rakyat negeri Sarawak telah membayar cukai jualan sebanyak dua kali. Sebagaimana yang saya ketahui setengah daripada mereka dari Sarawak datang ke Kuala Lumpur ini membeli barang-barang di pasaran Kuala Lumpur dan mereka telah mengatakan cukai jualan ini telah dibayar di Kuala Lumpur, akan tetapi apabila barang ini sampai di Sarawak, mereka telah mengenakan sekali lagi cukai, jadi menjadi dua kali cukai jualan. Oleh kerana itu, perkara ini adalah menambahkan beban kepada rakyat Sarawak. Adakah perkara ini dapat diambil perhatian dengan telitinya?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Itu soalan lain (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bercadang mahu menimbangkan untuk menambahkan pergecualian yang diberi di atas kadar bagi mengutip cukai pendapatan pada perseorangan daripada \$2,500 kepada isteri, kepada anak iaitu lebih daripada yang ada sekarang, kerana memandangkan angka yang ada sekarang terlampau kecil berbanding dengan sara hidup pada masa ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya sudah pun diberi dalam persidangan ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Kalau begitu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu jawapan itu bila?

Tuan Yang di-Pertua: Bila jawapannya sudah diberi, Ahli-ahli Yang Berhormat mestilah tahu jawapannya itu.

PENGANGGUR-PENGANGGUR DI SARAWAK

5. Tuan Luhut Wan minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah bilangan penganggur-penganggur di Sarawak dan langkah-langkah yang diambil untuk melatih mereka serta mengapa Kerajaan Pusat tidak memasukkan Sarawak di dalam bidang kajian mengenai pengangguran.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pencari-pencari kerja yang mendaftar dengan Pejabat-pejabat Pekerjaan di Sarawak sehingga 30hb April, 1973 ialah 5,127.

Disamping meluaskan Rancangan Perantisan Negara ke Sarawak dalam bulan September 1972, Kementerian saya juga telah menawarkan 64 tempat bagi latihan kepada belia-belia di bawah Kursus Persediaan Ketukangan kepada belia-belia Sarawak, yang meliputi ketukangan letrik, mekanik, bangunan dan percetakan. Setakat ini hanya satu calon sahaja yang dihantar.

Satu kajian Tenaga Rakyat bagi mengkaji keperluan kemahiran bagi perancangan pelajaran dan tujuan-tujuan latihan akan juga dilancarkan di Sarawak dalam bulan Ogos/September tahun ini. Satu kumpulan pegawai-pegawai yang terdiri dari Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telahpun melawat Sarawak dan telahpun mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri. Kajian ini akan meliputi sektor awam dan juga sektor swasta di Sarawak.

Kerajaan Pusat telah menjalankan satu kajian Buruh Contoh (Labour Force Survey) yang meliputi 6 kawasan luar bandar di Sarawak, iaitu Kuching, Simanggang, Sibul, Sarikei, Miri, dan Limbang bagi mendapatkan maklumat mengenai pekerjaan dan pengangguran di luar bandar. Kajian ini juga telahpun diperluaskan sekarang ini ke kawasan luar bandar yang lain di Sarawak. Adalah dijangkakan bahawa hasil dari kajian ini akan siap pada akhir tahun ini.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan. Adakah bilangan yang begitu besar orang-orang yang tidak mempunyai pekerjaan di Sarawak itu termasuk juga pekerja-pekerja yang sekarang ini datang dari State of Seri Bagawan?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak dapat saya jawab sekarang ini. Saya berkehendakkan notis.

PADANG TERBANG SEMPORNA

6. Pengiran Tahir bin Pengiran Patera (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan menimbang membaiki Padang Kapal terbang Semporna yang ada sekarang kerana padang kapal terbang ini berlumpur semasa musim hujan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, Padang Terbang Semporna adalah mencukupi

untuk perkhidmatan kapal terbang jenis BN2 buat masa ini dan hanya jarang-jarang sekali ditutup kepada lalulintas udara di musim hujan, tetapi kalau sekiranya ada keadaan lumpur di waktu hujan, kita akan berhubung dengan Pejabat Kerja Raya supaya menyasat dan membaiki, kerana dalam peruntukan Rancangan Lima Tahun Malaysia Yang Kedua ada peruntukan \$300,000 untuk memperbaiki dan juga membetulkan lapangan-lapangan terbang atau padang kapal terbang yang diluar bandar, termasuk juga yang di Semporna ini. Kementerian saya sentiasa memerhati keadaannya dan sekiranya terafik semakin bertambah, Kementerian saya akan membuat pertimbangan sewajarnya bagi membaiki dan memperbesarkan lagi lapangan terbang yang tersebut itu.

PONDOK TALIPON DI RUMAH SAKIT—ROSAK

7. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Perhubungan samada beliau sedar bahawa talipon bagi orang ramai di Hospital Besar, Kuala Lumpur seringkali rosak. Bolehkah beliau menimbang mengadakan kemudahan talipon di semua kawasan Hospital Besar itu untuk kemudahan orang ramai.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa kadangkala pondok-pondok talipon yang ada di kawasan Hospital Besar itu didapati rosak. Ini ialah kerana selalu disalahgunakan dan dirosakkan dengan sengaja oleh setengah-setengah orang yang tidak bertanggungjawab, (vandalism). Jabatan berkenaan akan sentiasa mengawasi perkara ini untuk menentukan bahawa talipon-talipon yang tidak boleh digunakan diperbaiki dengan seberapa segera. Buat masa ini kita ada 7 buah pondok talipon di kawasan Hospital Besar itu dan Kementerian saya akan berhubung dengan pihak berkuasa hospital besar dan sekiranya didapati perlu ditambah lagi, kita akan timbangkan dan akan ditambahkan.

Tuan V. David: Sekarang Hospital Daerah itu sudah besar, saya minta Yang Berhormat Menteri tolonglah menyasat dan menambahkan lagi, kerana talipon yang ada sekarang ini tidak mencukupi di dalam kawasan hospital itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya?

Tuan V. David: Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menambahkan lagi talipon-talipon di situ kerana Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa beliau akan menyiasat dan berhubung sambil berunding dengan pihak hospital. Setelah dijalankan dan mendapat persetujuan, bolehkah ditambahkan dengan segera dan jangan lambat, oleh kerana beratus-ratus orang hari-hari ada lalu dalam kawasan itu dan di masa-masa kecemasan mahu menggunakan talipon, tetapi talipon tidak ada?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini tidak sabar. Yang saya telahpun menjadi Menteri Kesihatan selama 2½ tahun, saya lebih tahu daripada beliau, tetapi sebelum hendak ditaruhkan talipon di mana-mana kena berunding dengan pihak Hospital Besar itu. Saya sudah jawab, saya hendak tambah, tetapi di mana tempat hendak diletakkan kerana ini bukan di bawah Kementerian saya, ini Kementerian Kesihatan—sahabat saya ada di sini, kita akan berunding, saya akan tambahkan kalau perlu.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Talipon ini bukan rosak di hospital sahaja, tetapi di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, tiap-tiap kali talipon di sana pun rosak, dan bolehkah Yang Berhormat Menteri menyiasat hal ini dan memperbaiki talipon-talipon awam di tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini berkenaan dengan General Hospital; Subang itu tangguhkan dahulu.

Tuan Hor Cheok Foon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada beliau akan membenarkan tempat-tempat umum seperti hospital-hospital besar, perhentian-perhentian bas, keretapi atau teksi dan pondok-pondok polis untuk mendirikan dengan banyak pondok talipon awam yang mencukupi untuk digunakan oleh orang ramai?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain, tetapi teksi bukankah Yang Berhormat itu tahu sekarang boleh gunakan talipon untuk memanggil teksi. Syarikat-syarikat taxi boleh bayar sewa kepada Jabatan Talikom kerana perkhidmatan itu.

Tuan Hor Cheok Foon: Tetapi di dalam perhentian teksi tidak ada talipon.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bercakap fasal talipon lagi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, biasanya siapa yang hendak pakai talipon dalam teksi itu dia kena bayar sewanya. Kalau ada teksi yang tidak ada, itu bukan soal saya, soal kompeni teksi atau teksi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba Ahli Yang Berhormat tanya sekali lagi.

Tuan Hor Cheok Foon: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan samada beliau akan membenarkan tempat-tempat umum seperti di hospital besar, perhentian bas, keretapi dan teksi dan pondok-pondok polis untuk mendirikan dengan banyaknya pondok-pondok talipon yang cukup untuk kegunaan orang ramai.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar pondok-pondok polis memang disambungkan talipon seberapa daya.

HAK MILIK BALU PENEROKA FELDA/FELCRA

8. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan adakah beliau bercadang untuk memberikan hak memilik kepada balu-balu peneroka FELDA dan FELCRA apabila peneroka-peneroka tersebut meninggal dunia dan nyatakan syarat-syarat yang membolehkan balu-balu tersebut memiliki usaha peneroka-peneroka tersebut.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan sekarang pun yang diamalkan oleh FELDA kepentingan seseorang peneroka adalah diberikan kepada balunya dengan syarat balu tersebut sanggup terus berusaha dan tinggal di rancangan itu. Peraturan ini dapat kita laksanakan kerana tanah-tanah di dalam rancangan itu adalah masih tanah Kerajaan yang dimiliki oleh FELDA di bawah perjanjian dengan Kerajaan dan belum dikeluarkan hakmilik kepada peneroka-peneroka itu sendiri.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri Kemajuan Tanah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini berapa lamakah seseorang peneroka itu baharu mendapat hak miliknya yang sebenar diberi oleh Kerajaan?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, apabila semua hutang-hutang dengan pihak FELDA itu diselesaikan mengikut tempoh yang dikandungan dalam perjanjiannya masing-masing.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah sudi apalah kiranya Menteri Kemajuan Tanah itu (*Ketawa*) menyatakan dalam Majlis ini berapa banyakkah hutang tiap-tiap seseorang peneroka itu kepada Kerajaan?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu dengan tepatnya, saya harap dia beri notis.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, saya banyak mendengar aduan daripada peneroka-peneroka itu bahawa mereka tidak tahu berapa lamakah mereka dapat menyelesaikan hutangnya yang beribu-ribu. Oleh sebab itu mereka berasa kesal, kata mereka LKTP ini menyuruh kami membuka tanah, kami sudah terpedaya dan maknanya diubah oleh mereka LKTP—Langkah Kerajaan Tipu Peneroka (*Ketawa*), kerana mereka-mereka tidak tahu bilakah hutang itu dapat dijelaskan, berapa ribukah banyaknya. Bolehkah dinyatakan kepada saya hutang itu, saya hendak beritahu kepada mereka.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya jawab sedikit. Kalau hendak tahukan butir-butirnya tiap-tiap satu rancangan itu silalah buat pertanyaan di dalam persidangan yang akan datang secara notis, tetapi saya dapat nyatakan ada beberapa buah Rancangan FELDA sekarang ini dalam tempoh dua hingga tiga tahun yang akan datang akan selesai hutangnya dan dia akan dapat hakmilik.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya balu yang berkenaan itu tidak diberi sebarang saguehati kepada dia, maka bukankah satu penganiayaan kepada balu tersebut.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, balu-balu ataupun janda-janda bagi peneroka-peneroka dalam FELDA apabila suaminya mati maka dia menjadi janda, dia diberi peluang untuk terus menjadi peneroka atau peserta dalam FELDA dengan syarat ia sanggup menjalankan kerja di dalamnya. Jika sekiranya dia tidak sanggup maka tentulah ada waris-waris lain. Adapun berkenaan dengan saguehati, barangkali Ahli Yang Berhormat itu hendak asaskan kepada sepencarian di dalam kawasan pembukaan tanah FELDA itu, saya rasa perkara ini tidak berbangkit, sebab mengikut Peraturan FELDA peserta-peserta adalah diberi habuan tiap-tiap bulan yang bersifat hutang. Apabila seseorang peserta meninggal dunia dan tidak ada sebarang waris-waris gantinya yang sanggup meneruskan usaha dalamnya, maka hutang itu selesai di situ sahaja dan orang yang lain akan menyambunginya.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa seseorang balu kepada peneroka itu mengikut amalan yang ada sekarang ini akan diberi peluang memiliki bahagian yang ditinggalkan oleh suaminya yang telah meninggal. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan sekiranya seseorang suami-isteri yang menjadi peserta kepada rancangan Felda atau Felcra sekiranya mereka berpisah atau bercerai di dalam separuh jalan, apakah keadaan yang ada sekarang ini sudah dibuat suatu peraturan bahawa seseorang isteri yang telah diceraikan itu akan ditimbangkan haknya mengikut kaedah-kaedah Islam.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kaedah-kaedah Islam akan dipertimbangkan apabila benda itu harta punyanya, tetapi mengikut perjanjian sementara belum ditukarkan nama, maka tanah-tanah di bawah Felda itu belum dengan rasminya dari segi hukum haknya sendiri. Dengan yang demikian, adalah menjadi satu kesulitan untuk diherhetungkan dari segi sepencarian samada dengan sebab mati atau dengan sebab berpisah, sebab di bawah rancangan Felda tiap-tiap satu rancangan atau satu lot yang diberi kepada sesuatu peserta tidak boleh dipecah-belahkan.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menyatakan iaitu ada dua tiga rancangan tanah yang akan selesai iaitu pembayaran ataupun tempoh pembayaran hutang daripada peneroka Felda. Tanah rancangan manakah yang akan mula-mula sekali menghabiskan hutang dan dapat menerima hak sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri yang berkenaan.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tak payahlah saya butirkan semua sekali, Tuan Yang di-Pertua, tetapi satu daripadanya di dalam kawasan Negeri Melaka sendiri.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya masih samar-samar iaitu maksud saya sekiranya seseorang suami-isteri itu sudah selesai, dia sebagai peserta kepada Felda dan dia sudah selesai membayar segala hutang-hutangnya kemudian berlakulah perceraian. Tidakkah mengikut kaedah Islam bahawa suami-isteri yang menyertai peserta tadi sedikit sebanyak mempunyai hak sebagai harta pencarian di atas tanah yang diuntukkan itu?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, kalau dijelaskan tadi sedemikian, barangkali lain jawapan saya. Kalau sekiranya tanah-tanah itu sudah menjadi hakmilik peserta apabila hutang-hutangnya sudah dibayar, maka itu akan bergantunglah kepada keadaan guaman yang berlaku antara kedua-dua pihak di dalam mahkamah yang berkenaan jika sekiranya berbangkit guaman, dan perkara itu tentunya berbangkit guaman sedemikian untuk menentukan sipencarian dan peratus sipencarian itu sebagaimana dan sebagainya.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Berbalik kepada soalan saya tadi iaitu soalnya adakah kadar duit yang diberi secara hutang itu sepadan dengan penat lelah yang diberi oleh peneroka-peneroka itu kepada tanah mereka masing-masing.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soal sepadan atau tidak barangkali bergantunglah kepada ukuran dan nilainya masing-masing, tetapi pihak Felda sebelum memasukkan orang-

orang itu atau peserta-peserta itu di dalam rancangan, kawasan-kawasan itu telahpun dibersihkan, ditanam dan disediakan segenap kemudahan infrastrukturnya, rumahnya dan sebagainya. Itu merupakan satu jumlah yang besar dari segi peruntukan atau modal pokok, yang kemudian daripada itu peserta-peserta hanya meneruskan tugasnya menjaga tanaman-tanamannya yang telahpun ditanam tadi dengan sebaik-baiknya mengikut peraturan dan arahan yang diberikan oleh Felda. Jadi ukuran sepadan atau tidak itu barangkali terlalu nisbi sangat untuk dinyatakan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah benar suatu perkhabaran yang telah disampaikan kepada peserta dengan cara sulit-sulit mengatakan ada kemungkinan Kerajaan akan menyusun suatu cara yang merupakan untuk menghapuskan segala hutang-hutang kepada peserta-peserta Felda di dalam tempoh lima tahun yang akan datang?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu benar sebab hutang adalah tetap hutang, akan tetapi walaubagaimanapun pihak FELDA sedang mengkaji segala sesuatu yang bagi beberapa daya-upaya yang boleh bagi memberikan kemudahan-kemudahan yang tertentu kepada peserta-peserta FELDA itu sendiri.

“STANDARD” BAGI JALANRAYA NEGERI

9. **Tuan Edmund Langgu anak Saga** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Kerjaraya dan Tenaga, adakah Kerajaan akan mengulangkaji dasarnya berhubung dengan “standard” yang diperlukan bagi jalanraya-jalanraya Negeri sebelum jalanraya-jalanraya tersebut layak untuk mendapat Pemberian Jalanraya Negeri (State Road Grants) supaya jalanraya-jalanraya yang tidak mempunyai “standard” yang diperlukan boleh diperbaiki bagi mencapai “standard”.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengulangkaji dasarnya berhubung dengan “standard” yang diperlukan bagi jalanraya-jalanraya Negeri sebelum jalanraya-jalanraya ini layak mendapat “State Road Grants”.

Polisi ini dibuat adalah untuk menentukan supaya jalan-jalan yang diberi geran itu boleh digunakan dengan agak memuaskan oleh pengguna-pengguna jalanraya.

TERAS KEBUDAYAAN NASIONAL

10. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, memandangkan kepada kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh dua orang pegawai tertinggi Parti Perikatan bahawa kebudayaan Melayu mestilah diguna sebagai "teras kebudayaan nasional negara" dan diterima oleh semua rakyat yang mana bertentangan dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam suatu Sidang Akhbar pada tahun sudah; samada beliau sedar bahawa berjuta-juta rakyat Malaysia telah hilang kepercayaan terhadap kejujuran Kerajaan untuk memajukan perpaduan melalui integrasi semua kebudayaan yang terbesar dalam negara ini dan bukan melalui asimilasi; jika ya, apa langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteri untuk menentukan yang ucapan-ucapan berbahaya seperti ini tidak dibuat lagi di masa depan.

Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memastikan apakah asas statement Ahli Yang Berhormat bahawa "Berjuta-juta rakyat Malaysia telah hilang kepercayaan terhadap kejujuran Kerajaan untuk memajukan perpaduan melalui integrasi semua kebudayaan yang terbesar".

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan telah menyatakan, dan saya sebutkan di sini daripada asalnya dan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

"A Malaysian National Culture will take time to evolve and cannot be imposed on the people.

Every Malaysian should contribute towards the creation of such culture which must be "Native to the Soil".

The National Culture, Tun Razak said, is not necessarily a Malay Culture. But it was essential that it be based on the Malaysian Way of Life.

The creation of such a culture should not be a controversial matter. It is something to be evolved and must be acceptable to the people."

Di dalam bahasa Malaysia setelah di-translasikan berbunyi:

"Satu Kebudayaan Nasional bagi Malaysia hanyalah dapat terujud dalam jangka masa yang panjang dan oleh itu pembentukannya tidak boleh dipaksa ke atas rakyat jelata.

Tiap-tiap warganegara Malaysia haruslah memberi sumbangannya dalam pembentukan kebudayaan yang semestinya asli negara ini iaitu Native To The Soil.

Yang Amat Berhormat Tun Razak, telah memberitahu bahawa Kebudayaan Kebangsaan atau National Culture tidaklah semestinya Kebudayaan Melayu. Tetapi ianya mestilah berasaskan cara hidup di negara kita ini. Pembentukan kebudayaan yang begini rupa tidak harus menjadi pertelingkahan. Pembentukannya akan mengambil masa yang panjang dan mestilah diterima dengan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia."

Berdasarkan penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ahli Yang Berhormat harus bersetuju bahawa tidak perlu lagi timbul pertelingkahan mengenai perkara Kebudayaan Kebangsaan. Saya percaya semua rakyat negara ini bersetuju bahawa kebudayaan bukanlah merupakan satu-satu perkara yang harus digunakan untuk kepentingan politik. Kita semua harus berterima kasih kepada Kerajaan yang menyokong satu dasar sebagai yang terkandung dalam Rukunegara yang menegaskan "untuk menjamin suatu cara pendekatan yang liberal terhadap kebudayaannya yang berbagai corak."

Pada pendapat saya pendekatan atau approach yang liberal terhadap kebudayaan adalah yang paling sesuai bagi negara ini, dan saya sukacita kerana pada perasaan saya Ahli Yang Berhormat sendiri bersetuju dengan pendekatan seperti yang telah saya terangkan tadi.

Dengan izin saya suka memberi keterangan di dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) In view of the clarification made by the Prime Minister quoted earlier, the Honourable Member must surely agree with me that there should not be anymore argument on the subject of National culture. I am sure I speak for all in this country when I say that culture is not something which should be exploited for political ends

or for political gain. It should therefore be of the greatest comfort for all of us that we have a Government which supports the principle, as enshrined in the Rukunegara which says: "to ensuring a liberal approach to her rich and diverse cultural traditions." This approach is the only logical one for us in this country, and I am glad, reading in between the lines of the question put by the Honourable Member, that he himself agrees with this approach.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kenyataan atau penjelasan Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara memberi satu jaminan rasmi oleh Kerajaan terhadap soalan kebudayaan kebangsaan kita sebagai satu bukti atau satu langkah bahawa Kerajaan dengan rasminya telah menolak pandangan-pandangan terlampau yang dibuat oleh tokoh-tokoh pemuda UMNO. Kalau ya kita di dalam pihak Pembangkang khasnya DAP pun bersetuju.

Tun V. T. Sambanthan: Jaminan itu diberi oleh Perdana Menteri sendiri.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, adakah teras kebudayaan nasional negara ini suatu ucapan-ucapan merbahaya atau tidak? Oleh kerana saya hendak menerangkan sedikit, kalau dibenarkan, teras barangkali yang bertanya itu tidak mengerti iaitu teras maknanya inti, jadi di dalamnya itu mestilah teras kebangsaan Melayu, bukan dari luar untuk apa pun boleh. Barangkali yang bertanya itu tidak mengerti, dengan sebab itu, saya hendak bertanya di sini, teras kebudayaan nasional negara, adakah ucapan-ucapan merbahaya yang dibuat itu merbahaya, oleh kerana ini teras tidak ada apa-apa hal, cuma barangkali yang bertanya itu adalah anti-nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Adakah ucapan yang mengatakan teras kebudayaan nasional negara iaitu kebudayaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan nasional negara, itu satu ucapan yang merbahaya. Itu yang saya hendak bertanya.

Tun V. T. Sambanthan: Tadi saya sudah beri keterangan yang penuh iaitu ucapan

yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Inilah yang jadi teras. (*Ketawa*)

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Adakah Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara bersetuju iaitu untuk melahirkan teras kebudayaan nasional bagi negara Malaysia ini hendaklah diasaskan kepada teras kebudayaan Melayu?

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, di hadapan saya ada ucapan Perdana Menteri. Ini yang menjadi dasar Kerajaan, Perdana Menteri yang mengetuai Kerajaan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sejak Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan sehingga ke hari ini, sejauh manakah pihak Kementerian ini telah melaksanakan seperti arahan Perdana Menteri yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bagi melahirkan suatu teras kebudayaan nasional di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

ROTI—HARGA

11. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk memastikan yang semua kilang-kilang roti di negara kita menyatakan harga dan keberatan roti mereka, sejak 19-4-73 bilamana Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu Dewan ini yang Kementerian beliau sedang mengambil langkah-langkah menuju ke arah itu;
- (ii) mengapa Kementerian beliau telah membenarkan kilang-kilang roti di Pulau Pinang menurunkan keberatan roti mereka tanpa menurunkan harga roti mereka dan samada Kerajaan bercadang membenarkan kilang-kilang roti di Pulau Pinang berbuat demikian tanpa apa-apa hukuman dan jika tidak, apakah tindakan yang Kerajaan akan ambil untuk memaksa kilang-kilang roti di Pulau Pinang meninggikan keberatan roti mereka ke paras seperti dulu; dan

- (iii) samada Kerajaan akan memberi satu jaminan yang harga roti di negara kita tidak akan dibenar untuk dinaikkan lagi.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Pada 19-4-73 Kementerian saya telah pun mengedarkan satu surat kepada semua pembuat roti di Semenanjung Malaysia meminta mereka menunjukkan harga dan beratnya di atas tiap-tiap bungkusan atau pambalut roti untuk makluman pengguna-pengguna.

Beberapa perjumpaan telah diadakan di antara pembuat-pembuat roti dengan pegawai-pegawai Kementerian termasuk satu perjumpaan di Pulau Pinang yang telah juga dihadiri oleh wakil Persatuan Pengguna. Pembuat-pembuat roti itu menyatakan mereka tidak dapat menunjukkan tanda harga dan berat roti mereka di atas bungkusan ataupun pambalut roti, kerana mereka mempunyai dalam simpanan bungkusan-bungkusan atau pambalut-pambalut roti itu untuk satu ataupun dua tahun ke hadapan. Tambahan pula pambalut-pambalut itu, dibuat dengan kertas lilin, yang tidak dapat ditulis di atasnya. Walaubagaimanapun mereka sanggup mengkaji balik soal menunjukkan harga dan berat roti ini, sekiranya mereka membuat bungkusan ataupun pambalut-pambalut baru.

Dalam menimbangkan perkara ini, haruslah diambil perhatian bahawa begitu banyak pengeluar-pengeluar roti di seluruh negara kita ini terdiri daripada pengeluar-pengeluar yang kecil. Sebelum sesuatu keputusan diambil kedudukan mereka ini haruslah dipertimbangkan dengan adil supaya punca pendapatan roti rakyat yang tingkat pendapatan mereka yang rendah tidak terjejas.

- (ii) Kementerian saya tidak memberi apa-apa kebenaran kepada pengilang-pengilang roti di Pulau Pinang untuk menurunkan timbangannya atau menaikkan harganya.
- (iii) Adalah sukar bagi Kerajaan untuk memberi jaminan kepada orang ramai, bahawa sanya harga roti di negeri ini

tidak akan dinaikkan, oleh kerana roti dibuat daripada beberapa bahan-bahan yang mana harganya tertakluk kepada perubahan.

GURU-GURU DI SARAWAK— LATIHAN

12. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan kepada terhadnya kemudahan-kemudahan dan yaysan-yayasan bagi melatih guru-guru di Sarawak adakah Kementerian beliau akan membuat urusan dengan Kerajaan Negeri Sarawak bagi melatih lebih ramai lagi guru-guru di Malaysia Barat.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, atas permintaan Kerajaan Negeri Sarawak, Kementerian Pelajaran telah melatih guru-guru untuk berkhidmat di Sarawak seperti berikut :

- (a) Tahun 1972, 90 orang
- (b) Tahun 1973, 90 orang, dan
- (c) Tahun 1974, 90 orang

Soal melatih lebih ramai lagi guru-guru ini adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Jika ada permohonan seperti itu, Kementerian Pelajaran bersedia untuk mempertimbangkannya.

PEKERJAAN—MEMBANYAKKAN

13. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan pengujudan lebih banyak pekerjaan dan memberi lebih banyak kemudahan-kemudahan latihan untuk menyerap murid-murid yang berhenti sekolah tiap-tiap tahun dan beri butir-butir menganainya bagi Negeri Sarawak.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sedang dijalankan oleh Kerajaan ke arah membanyakkan pekerjaan adalah seperti berikut :

- (1) Penubuhan kawasan-kawasan perindustrian dengan kemudahan "infra structural" bagi memudahkan penubuhan industri-industri baru.
- (2) Menggalakkan penubuhan perusahaan-perusahaan "labour intensive" melalui pembekalan tanpa cukai (tax relief).

- (3) Baru-baru ini Kerajaan telah mengadakan satu dorongan baru yang dinamakan "Locational Incentive" bertujuan untuk menggalakkan penyebaran perusahaan-perusahaan di kawasan-kawasan yang jauh dari kawasan-perusahaan yang sekarang ini tertumpu di kawasan-kawasan bandar dan dengan demikian akan mempercepatkan lagi kadar pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar.
- (4) Perkhidmatan Pekerjaan di Sarawak juga telah diperluaskan. Di samping Pejabat Pekerjaan di Kucing, kita juga telah membuka Pejabat Pekerjaan di Miri, Sibul dan Limbang.

Mengenai kemudahan latihan, Kerajaan telah memperluas Rancangan Perantisan Negara ke Sarawak sejak tahun lalu. Di samping itu, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah juga menawarkan sebilangan tempat-tempat latihan kepada belia-belia Sarawak untuk dilatih di dalam berbagai-bagai ketukangan di bawah Kursus Perediaan Ketukangan di Pusat Latihan Perusahaan Kuala Lumpur.

Kemudahan latihan juga disediakan di sekolah-sekolah Vokesyenal yang didirikan oleh Kementerian Pelajaran dan MARA.

Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat yang bekerja rapat dengan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perangkaan akan menjalankan satu Penyiasatan Tenaga Rakyat di Sarawak dalam bulan Ogos/September dalam tahun ini bagi menilai keadaan stok tenaga rakyat dan keperluan kemahiran di masa akan datang.

SURAT AKUAN SAKIT—GURU-GURU

14. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan guru-guru yang telah masuk ke hospital untuk rawatan perubatan tidak diberi Surat Akuan Sakit serta merta dan oleh yang demikian sekolah-sekolah yang berkenaan tidak dapat mengambil guru-guru sementara untuk membuat kerja-kerja bantuan, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau supaya Surat Akuan Sakit ini dikeluarkan secepat mungkin dengan tidak payah menunggu sehingga pesakit itu keluar dari hospital.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pesakit-pesakit yang dimasukkan ke Hospital bagi rawatan tidak diberi Surat Akuan serta merta kerana pesakit-pesakit mungkin dimasukkan untuk rawatan penyakit-penyakit yang berpanjangan keadaannya atau yang tidak boleh sembuh. Oleh kerana berbeza-beza reaksi seseorang pesakit terhadap keadaan penyakitnya dan tiap-tiap penyakit juga menyebabkan seseorang itu tidak layak menjalankan tugas-tugas biasanya, maka tempoh cuti sakit yang boleh diberi juga berbeza-beza di antara seorang pesakit dengan pesakit yang lain walaupun jenis penyakitnya sama.

Saya tidak nampak dari segi manakah pengeluaran surat akuan sakit ada kaitannya kepada sekolah-sekolah di dalam pengambilan guru-guru sementara untuk membuat kerja-kerja bantuan.

Walau bagaimanapun saya akan memberi perhatian dalam perkara ini supaya Surat Akuan Sakit akan dikeluarkan dengan gangguan yang sedikit sekali kepada semua pihak yang berkenaan.

PERKHIDMATAN KESIHATAN LUAR BANDAR

15. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa Pusat-pusat Kesihatan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar tidak dilengkapi dengan kakitangan dan kemudahan-kemudahan am yang memuaskan, dan jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau sedang ambil dalam perkara ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Ahli dari kawasan Bruas, sangatlah am dan mengecilkan kemajuan yang telah tercapai dalam usaha Kerajaan meninggikan taraf kesihatan penduduk-penduduk di luar bandar.

Saya sendiri sangat puashati atas kemajuan perkhidmatan kesihatan luar bandar di negeri ini, yang terpuji di seluruh dunia. Untuk maklumat Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bruas, Perak, sebelum Merdeka perkhidmatan ini boleh kata tiada langsung. Pada tahun 1960 kadar bidan dengan penduduk ialah seorang bidan bagi 127,500 penduduk. Akan tetapi pada akhir tahun 1970 kadar ini menjadi seorang bidan meliputi 5,200 penduduk. Pada tahun 1975

kadar ini akan menjadi seorang bidan bagi 4,300 penduduk. Pada tahun 1960 sebuah pusat kesihatan kecil meliputi 340,000 penduduk. Akan tetapi pada tahun 1970 sebuah pusat kesihatan meliputi 25,300 penduduk, dan menjelang tahun 1975, sebuah pusat kesihatan akan meliputi kira-kira 20,000 penduduk.

Pusat-pusat kesihatan yang ada, dilengkapi penuh dengan beberapa jenis kakitangan seperti doktor, pegawai pergigian, pembantu hospital, jururawat, penolong jururawat, bidan, merinyu kesihatan umum, pengawas kesihatan umum, derebar, dan lain-lain. Begitu juga mereka disediakan dengan alat-alat dan kenderaan mengikut jadual yang ditetapkan. Sebagai membuktikan kejayaan ini, kadar kematian telah jatuh lebih 50% sejak Merdeka. Jikalau apa yang dituduhkan oleh Yang Berhormat Ahli dari kawasan Bruas, itu benar, maka tentulah kita tidak mendapat kejayaan yang terpuji itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).

BAHAN BINAAN—HARGA

16. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian samada beliau sedar bahawa harga bahan-bahan binaan telah naik sebanyak 30%, dan jika ya, apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menurunkan harga bahan-bahan binaan ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Maklumat yang dihendaki oleh Ahli Yang Berhormat, sebagaimana telah diterangkan dengan secara mendalam oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada 10hb Julai, 1973 dan saya tidak bertujuan untuk mengulanginya sekali lagi.

KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG

17. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada kenaikan harga barang-barang sekarang ini akan berterusan atau

samada Kementerian menjangka bahawa kenaikan harga barang-barang adalah untuk sementara sahaja.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Sebagaimana telah dinyatakan beberapa kali, kenaikan harga barang-barang pada masa ini adalah disebabkan oleh keadaan inflasi dunia dan kegagalan tanaman di negara-negara pengeluaran. Kiranya keadaan inflasi ini bertambah baik terutamanya di negara-negara yang maju dan ada hasil tanaman yang baik di negara-negara pengeluaran, maka kenaikan harga-harga ini tidak akan menjadi gejala yang berkekalan. Bagaimanapun Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan tingkat harga dalam negeri adalah berpatutan dan adil.

IMPOT TAHI AYAM—KAWALAN

18. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menghapuskan permit untuk mengimpot tahi ayam (chicken droppings) daripada Singapura, dan jika tidak, mengapa.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Kawalan impot ke atas tahi ayam (chicken droppings) dari Singapura telah dikenakan pada 30hb November, 1972 dan telah ditarik balik kawalannya pada 22hb Februari, 1973 melalui *Warta* Kerajaan P.U. (A) 375 bertarikh 22hb Februari, 1973.

MERINYU-MERINYU KESIHATAN UMUM

19. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Kesihatan berapa bilangan Merinyu-merinyu Kesihatan Umum dalam daerah Ulu Selangor, samada beliau sedar bahawa kejadian malaria telah bertambah di daerah itu jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengurangkan kejadian malaria dalam daerah Ulu Selangor.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Merinyu-merinyu Kesihatan Umum di daerah-daerah Ulu Selangor adalah seperti berikut:

Seorang Pegawai Merinyu Kesihatan Umum Kanan.

Seorang Pegawai Merinyu Kesihatan Umum.

Angka-angka kejadian malaria yang disahkan dalam Daerah Ulu Selangor dari tahun 1967 hingga 1972 adalah seperti berikut:

- Bagi tahun 1967 terdapat 209 kes.
- Bagi tahun 1968 terdapat 255 kes.
- Bagi tahun 1969 terdapat 463 kes.
- Bagi tahun 1970 terdapat 604 kes.
- Bagi tahun 1971 terdapat 412 kes.
- Bagi tahun 1972 terdapat 122 kes.

Angka di atas ini jelas sekali menunjukkan berkurangan bilangan kes-kes Malaria yang disahkan semenjak tahun 1971. Walau bagaimanapun sebagai usaha membasmi penyakit ini bukan sahaja di daerah Ulu Selangor bahkan seluruh luar bandar negeri Selangor, Kementerian Kesihatan akan melancarkan gerakan semburan mulai daripada bulan Julai 1973 ini dalam usaha pelaksanaan Rancangan Pembasmi Malaria Kebangsaan. Di samping itu kerja-kerja mengawal yang terdapat di dalam daerah ini seperti di Kuala Kubu Bharu, Rawang, Serendah, Kuang, Batu Arang, Rasa, Ulu Bernam dan Kerling masih terus berjalan.

HUKUMAN GANTUNG KEPADA PEROGOL

20. Dr A. Soorian minta Peguam Negara menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk mengenakan hukuman gantung sampai mati kepada perogol-perogol.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tidak. Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan hukuman gantung sampai mati kepada perogol-perogol.

REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA—PEMBESARAN

21. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan memandang kepada besarnya khidmat yang diberikan oleh ahli-ahli Rejimen Askar Melayu di Raja dalam mempertahankan negara dan memandangkan bahawa musuh-musuh negara masih belum habis dihapuskan lagi, samada Kerajaan bercadang untuk memperbesarkan Rejimen ini supaya selaras dengan tanggungjawab yang dipikulnya.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak): Pembesaran Angkatan Tentera pada keseluruhannya dalam konteks Rancangan

Malaysia Kedua adalah tertumpu kepada pasukan-pasukan lojistik dan bertujuan mengujudkan sebuah angkatan bersenjata yang lebih seimbang.

Namun begitu, pembesaran pasukan-pasukan lain adalah sentiasa dikaji dari masa ke semasa mengikut perubahan keadaan dan ancaman terhadap negara. Jika keadaan memerlukan, pembesaran pasukan-pasukan itu termasuk juga Rejimen Askar Melayu Di Raja, sudah tentu akan diberi keutamaan.

MARI MENARI DI TV—RANCANGAN

22. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada Kerajaan bercadang memberhentikan rancangan "Mari Menari" di Talivisyen Malaysia kerana berlawanan dengan dasar PAS yang bergabung dengan Kerajaan.

Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tidak. Saya kembang hati bahawa Yang Berhormat Encik Lim sudah jadi anggota PAS yang kononnya sudah tahu dasar PAS.

SAHAM NANYANG SIANG PAU/SIN CHEW YIT PAU

23. Tuan Lim Cho Hock bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian samada benar bahawa Kerajaan bercadang membeli lebih daripada 50% saham-saham Nanyang Siang Pau dan Sin Chew Yit Pau, jika ya, apakah tujuan Kerajaan yang sebenarnya.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Kementerian saya tidak sedar di atas perkara ini.

LEMBAGA PERUSAHAAN GETAH

24. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan walaupun Kerajaan sudah membentuk Lembaga Tanam Semula Getah tetapi masih banyak lagi kawasan getah tua yang belum ditanam semula,

- (a) mengapa perkara ini masih berlaku dan berapa luas kawasan yang belum ditanam semula;
- (b) samada Kerajaan bercadang hendak menambahkan bantuan tanam semula dari \$750.00 seakar kepada suatu jumlah yang lebih sesuai.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):

- (a) Penanaman semula kebun-kebud kecil adalah terhad di antara lain-lain kepada kedudukan kewangan Lembaga Perusahaan Getah (Tanam Semula) dan dengan demikian terpaksa dijalankan berperingkat-peringkat. Semenjak mulanya tertubuh Lembaga tersebut, iaitu di dalam tahun 1952 dan sehingga penghujung tahun 1972, banyak kawasan kebun-kebud kecil telah ditanam semula di bawah beberapa rancangan Lembaga tersebut. Di dalam tempoh itu, seluas 1.3 juta ekar getah tua pekebun-pekebun kecil telah ditanam semula daripada jumlah 2.1 juta ekar ke semuanya dan ini bermakna lebih daripada 63 peratus kebun-kebud kecil telah ditanam semula. Kejayaan ini adalah kejayaan yang besar yang dicapai oleh Lembaga tersebut.

Di samping itu, cepatnya atau tidak perjalanan tanam semula juga bergantung kepada kemahuan pekebun-pekebun kecil membuat permintaan dan pelaksanaan permintaan oleh Lembaga dan pekebun-pekebun kecil yang menerima bantuan.

Oleh sebab itu usaha-usaha untuk mempergiatkan lagi penanaman semula terpaksa diubah oleh RISDA yang mula berjalan kuatkuasanya pada 1hb Januari, 1973. Adalah dijangka penanaman semula baki kebun-kebud kecil yang berjumlah 800,000 ekar itu akan dibereskan di dalam tahun 1977/78.

- (b) Perkara ini sedang dikaji oleh pihak RISDA yang sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, telah ditubuhkan khas untuk memajukan sektor pekebun-pekebun kecil. Kajian ini akan memakan masa yang agak complex mengenai perkara ini dan syur-syur yang sesuai akan dikemukakan kepada Kerajaan bagi pertimbangan yang wajar.

**BANTUAN TANAMAN SEMULA—
PEKEBUN KECIL**

25. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa setengah-

setengah pekebun-pekebun kecil tidak menggunakan sepenuhnya wang bantuan tanam semula getah yang diberi oleh Kerajaan dan ini menyebabkan kesuburan getah yang baru ditanam itu terganggu. Adakah ini disebabkan oleh kerana pegawai-pegawai yang bertugas dalam bahagian ini tidak mencukupi. Nyatakan setakat manakah penyelesaian yang boleh dibuat oleh Lembaga terhadap kerja-kerja pekebun-pekebun kecil ini.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Memang tidak boleh dinafikan bahawa ada juga pekebun-pekebun kecil tidak menggunakan wang bantuan sepenuhnya yang diberi oleh Kerajaan untuk menanam semula serta menjaga kebun-kebud mereka. Ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor socio-ekonomik yang perlu diatasi oleh pihak yang berkenaan, iaitu RISDA. Di samping itu pula pekebun-pekebun kecil tidak mengikuti cara-cara amalan pertanian yang moden dan dengan demikian ada didapati kebun-kebud mereka itu tidak sebegitu subur seperti mana yang diharapkan.

Kerajaan adalah sedar atas masaalah ini dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum RISDA telah ditubuhkan untuk memoden sektor pekebun-pekebun kecil dengan berbagai-bagai cara. Satu daripada usaha-usaha yang akan dijalankan oleh RISDA ialah tanam semula berkelompok bagi faedah pekebun-pekebun kecil. Di samping itu pula, lain-lain perkhidmatan seperti tunjuk ajar dan mencantum pokok akan juga diusahakan oleh RISDA.

LALULINTAS—ATASI KESIBUKAN

26. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada langkah-langkah berkesan telah diambil bagi mengatasi kesibukan lalulintas yang berlaku hari-hari di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya di mana 200,000 kenderaan bersesak-sesak, tidak termasuk beberapa ribu lagi kenderaan pelawat-pelawat dari luar Negeri Selangor.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam akhbar baru-baru ini Kerajaan adalah menyedari tentang kesesakan lalulintas di antara Kuala

Lumpur dengan Petaling Jaya di waktu-waktu tertentu dan segala tindakan sedang diambil untuk mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna jalan ini. Walau bagaimanapun menurut kajian yang telah dijalankan, jalan ini masih dapat menampung lalu lintas yang ada sekarang sehingga tahun 1975 nanti. Kesyakan yang kadangkala berlaku di sepanjang jalan ini adalah disebabkan oleh kemalangan-kemalangan kecil yang mana kenderaan-kenderaan yang terlibat ditinggalkan di tengah-tengah jalan. Untuk mengatasi hal ini tindakan sedang diambil untuk mengadakan "recovery vehicles" bagi memindahkan kenderaan-kenderaan yang terlibat dengan kemalangan ini.

Jalanraya antara Kuala Lumpur dengan Petaling Jaya adalah jalan yang tersesak sekali di Semenanjung Malaysia ini yang menurut bancian, dilalui oleh kira-kira 75,000 kenderaan sehari bukan 200,000 sebagaimana dakwaan Ahli Yang Berhormat itu. Kerja-kerja untuk memperbaiki jalan ini akan dimulakan pada 1hb September tahun ini. Kajian mengenai pengangkutan di sekitar metropoliten Kuala Lumpur juga sedang dijalankan yang akan membuat cadangan-cadangan mengenai "public transport", kemudahan-kemudahan meletak kereta dan lain-lain. Di samping itu juga tindakan untuk melebarkan jalanraya Damansara sedang diambil.

DOKTOR PAKAR—LETAK JAWATAN

27. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab empat orang doktor pakar di Hospital Besar Pulau Pinang meletakkan jawatan-jawatan mereka semua pada satu masa dan bagaimanakah kita akan mengisi kekosongan dalam jawatan-jawatan yang mustahak ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Empat orang doktor pakar dari Hospital Besar Pulau Pinang telah meletakkan jawatan kerana mereka hendak menjalankan amali per-sendirian. Kekosongan itu adalah dipenuhi dengan mengatur semula pakar-pakar yang ada dalam perkhidmatan.

HOSPITAL BESAR PULAU PINANG

28. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kesihatan menyatakan berhubung dengan cadangan Kerajaan hendak membesarkan

Hospital Besar Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Kedua, adakah projek itu dapat dilaksanakan dalam tempoh itu memandangkan bahawa Hospital itu tersangat kecil dan kekurangan tempat-tempat tidur.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan-rancangan untuk meluaskan lagi kemudahan-kemudahan di Hospital Besar Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Projek utama ialah pembinaan sebuah block pusat yang akan mempunyai sebuah Jabatan Pesakit Luar Baru, Klinik-klinik Pakar, Kemudahan-kemudahan X-ray dan Dewan Belah, Jabatan Kemalangan dan Kecemasan, sebuah Yunit Rawatan Rapi dan beberapa buah katil sebagai tambahan.

"Architectural briefs" block ini telahpun siap disediakan dan kerja melukis rajah (design work) sedang di dalam persediaan.

Saya suka menyatakan bahawa kerja melukis rajah yang lebih teliti mengambil masa, oleh kerana lukisan itu hendaklah dirancangan supaya sesuai dengan pelan induk (Master Plan) bagi membina semula keseluruhan kompleks hospital itu. Adalah dijangkakan kerja membina akan dimulakan kira-kira pada penghujung tahun hadapan. Kementerian saya juga sedang mengambil langkah-langkah untuk memodenkan block-block yang sedia ada secara berperingkat-peringkat.

Sementara itu tindakan juga sedang diambil untuk membaiki lagi beberapa buah kawasan hospital yang ada itu untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik lagi kepada orang ramai.

Kementerian Kesihatan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa projek dipengerusikan oleh Pengarah Perancangan dan Pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Hospital Besar Pulau Pinang untuk menjamin pelaksanaan yang berkesan dan licin bagi projek-projek di Hospital Besar Pulau Pinang.

JURURAWAT DI HOSPITAL— PERTUKARAN

29. Tuan Loh Jee Mee meminta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa jururawat-jururawat yang bertugas di hospital-hospital Kerajaan diberi notis untuk bertukar ke negeri-negeri yang lain

selama kurang daripada seminggu, dan adakah beliau akan menimbang memberikan jururawat-jururawat ini masa yang lebih lagi untuk bersiap-sedia bagi pertukaran.

Tan Sri Lee Siok Yew: Pada dasarnya Kementerian saya memberitahu kepada pegawai-pegawainya untuk bertukar daripada satu negeri kepada negeri yang lain tidak kurang daripada tempuh 14 hari tetapi mungkin juga kadangkala pegawai-pegawai berkenaan menerima surat arahan bertukar itu kurang daripada 14 hari oleh sebab sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Kementerian saya sentiasa mengambil berat di atas kebajikan pegawai-pegawainya dan akan sedaya upaya memberi notis-notis pertukaran yang cukup untuk pegawai-pegawai yang diarah bertukar itu membuat perediaan.

BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH-SEKOLAH

30. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan, berikutan dengan keputusan peperiksaan M.C.E. 1972 yang mengejutkan kerana kegagalan 14,331 pelajar-pelajar semata-mata kerana Bahasa Malaysia, apakah tindakan telah diambil untuk memperbaiki keadaan sejak permulaan penggal kedua persekolahan dalam bulan April untuk memastikan bahawa kegagalan itu tidak berulang lagi.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Pada keseluruhannya, sekolah-sekolah telah mengambil langkah-langkah yang lebih positif dalam memperbaiki lagi taraf dan mutu pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah menempatkan guru-guru yang berpengalaman mengajar matapelajaran ini di Tingkatan V, dan memberi galakan serta nasihat kepada penuntut-penuntut yang akan mengambil peperiksaan tahun ini supaya menumpukan lebih lagi perhatian dan tenaga mereka kepada mata pelajaran ini. Walaupun begitu, seperti yang saya telah nyatakan di Dewan ini pada persidangan yang lepas, masalah ini bukanlah masalah Kerajaan semata-mata, tetapi juga guru-guru, ibubapa dan masyarakat seluruhnya.

KEPUTUSAN M.C.E./S.P.M.

31. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa pengharaman perbincangan mengenai kegagalan yang banyak dalam keputusan peperiksaan M.C.E./S.P.M. telah disertakan dalam permit yang dikeluarkan oleh pihak polis untuk mengadakan rapat umum politik.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu pengharaman yang dimaksudkan adalah bertujuan untuk menjaga ketenteraman awam yang dianggapkan mula terjejas apabila sahaja dikeluarkan keputusan M.C.E./S.P.M.

Untuk mengelakkan kekacauan yang buruk, lesen-lesen bagi rapat umum pada ketika itu telah dikenakan syarat tidak membenarkan perbincangan mengenai keputusan M.C.E./S.P.M.

Tindakan ini diambil menurut kuasa di bawah seksyen 27 (2) Akta Polis, 1967.

LESEN SENJATAPI

32. Tuan Haji Abdul Wahab Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar lesen senjатаpi yang telah dikeluarkan sekarang boleh dikatakan terlalu banyak dan adakah benar bahawa Kerajaan bercadang hendak menarik setengah-setengah lesen senjатаpi di atas sebab-sebab keselamatan.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Adalah tidak benar bahawa lesen senjатаpi yang telah dikeluarkan sekarang boleh dikatakan terlalu banyak dan justru itu tidak benar juga bahawa Kerajaan bercadang hendak menarik lesen senjатаpi-senjатаpi yang telah dikeluarkan itu atas sebab-sebab keselamatan.

KEBEBASAN AKHBAR (FREEDOM OF PRESS)

33. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa Kerajaan telah campur tangan di dalam kebebasan akhbar (freedom of Press) dengan mengarahkan akhbar-akhbar supaya jangan menyiarkan berita-berita mengenai pertikaian dalam M.C.A.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Arahan kepada akhbar-akhbar supaya tidak menyiarkan sebarang berita berkaitan dengan krisis

M.C.A. baru-baru ini telah saya buat dengan menggunakan "discretion" yang ada pada saya. Arahan itu dikeluarkan demi kepentingan ketenteraman awam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1972 dan 1973)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (12hb Julai, 1973)

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4) 1972 DAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1973

(Usul)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$39,097,976 dan satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$210,568,369 dibelanjakan daripada Kumpulan Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1972 dan 1973, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 15 tahun 1973 mengenai wang tambahan bagi tahun 1972 dan Kertas Perintah Bil. 19 tahun 1973 mengenai wang tambahan bagi tahun 1973, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam senarai kedua-dua Kertas Perintah itu." (12hb Julai, 1973).

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, ulasan-ulasan telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri-menteri berkenaan perkara-perkara terhadap Kementeriannya

masing-masing. Maka saya cuma cuba menjelaskan satu dua perkara yang telah dibangkitkan terhadap Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu telah mengesyurkan kepada Kerajaan bahawa peruntukan yang dikehendaki dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973) adalah sangat besar dan beliau berkata Perbendaharaan tidak mengawasi perbelanjaan Kerajaan dengan betul. Sebenarnya sebahagian besar wang dalam Perbekalan Tambahan ini ialah dengan sebab pelaksanaan Sekim Gaji Suffian di Sarawak dan di Sabah dan bayaran tunggakan gaji tentera mulai 1hb Januari, 1970, dengan sebab pelaksanaan Lapuran Sheikh Abdullah. Saya boleh memberi akuan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Perbendaharaan sentiasa mengawasi perbelanjaan Kerajaan dengan halusnnya.

Berhubung dengan kehilangan barang-barang dan wang Kerajaan sebanyak \$225,668 itu, sebenarnya ini bukanlah kehilangan wang tunai. Apa yang telah berlaku ialah ubat-ubat yang disimpan dalam gudang Kementerian Kesihatan di Petaling Jaya untuk masa dharurat seperti epidemic atau sebagainya telah didapati tidak boleh digunakan lagi, sekiranya digunakan akan menjadikan bahaya kepada kesihatan manusia.

Ubat-ubat dan alat-alat yang rosak ini telahpun disiasat dengan halus oleh Perbendaharaan dan juga telah diakui oleh Board of Survey sebagai barang-barang yang tidak boleh digunakan lagi. Harga ubat-ubat dan alat-alat yang rosak ini ditaksirkan sebanyak \$225,668. Wang ini dibelanjakan dari Wang Kira-kira Amanah (Trust Account) yang dinamakan Unallocated Stores Account, Kementerian Kesihatan. Wang ini hendaklah diganti dalam Trust Account yang tersebut. Dengan sebab itu, peruntukan sebanyak \$225,668 dikehendaki dalam perbekalan tambahan yang dibentangkan ke Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab sedikit dalam bahasa Inggeris terhadap soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

(Dengan izin) The Honourable Member for Tanjong has suggested that in the light of the increasing cost of living, the Government should eliminate the labour cost component that goes into Sales Tax. In other

words, the Sales Tax should not be imposed on the sale value but the value excluding the labour component. I would like to point out here the implications of such a proposal.

In the first place, it would mean quite a substantial loss in Government revenue as in certain industries the labour component in the value of certain goods is apt to be high. Secondly, such a proposal is not too practical. This is because the labour component in the value of manufactured goods is not uniform for all the products produced in this country. This being so, it will mean, therefore, that the Government will have to administratively determine the labour component for each particular good in the market. This is a major task which I believe will involve protracted arguments between the Government and the private sector, thereby producing quite an unfavourable climate in the manufacturing industry. It is questionable whether this is worth doing. Furthermore, while this could be carried out insofar as the locally manufactured goods are concerned, imported goods subjected to Sales Tax will create an unsurmountable problem unless, of course, the Government adopts some arbitrary and hence inequitable solution to the problem.

The Honourable Member for Miri-Subis referred to certain appeals from ship builders for exemption from import duty on equipment and raw materials for the ship building industry.

In regard to the first item, I believe the Honourable Member was referring to marine diesel engines. This matter was, in fact, brought up by the Sarawak State Government. It was then agreed that, owing to the non-availability of domestically made marine diesel engines, ship builders can import these engines duty free, subject to applications being made to the Treasury for approval.

In regard to the second item duty exemption is also provided if they are not available domestically. On this matter, too, the ship builders must apply to the Treasury for approval. The Honourable Member will note that a discussion has been made on this matter and it is up to the ship builders to apply for the exemption. So far no applications have been made by them. It is therefore not true to say that their appeals have been ignored.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan iaitu berkenaan dengan cukai ke atas oranges daripada negeri Cina semasa Hari Raya Cina. Oleh kerana Hari Raya Cina ini masanya lagi jauh, saya fikir, tidaklah menasabah perkara ini dibangkitkan pada masa ini.

Sekianlah sahaja jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua, terhadap soal yang ada di hadapan Majlis ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$39,097,976 dan satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$210,568,369 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1972 dan 1973, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 15 tahun 1973 mengenai wang tambahan bagi tahun 1972 dan Kertas Perintah Bil. 19 tahun 1973 mengenai wang tambahan bagi tahun 1973, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam senarai kedua-dua Kertas Perintah itu.

Mesyuarat Dalam Jawatankuasa

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

JADUAL PERTAMA/KEDUA

Kepala B. 1, B. 3, B. 5, B. 7, B. 9, B. 12 (1972); dan B. 7, B. 10, (1973); P. 7 dan P. 10 (1973)—

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1972 di bawah Kepala B.1,

B.3, B.5, B.7, B.9 dan B.12 dan Tambahan Pertama 1973 di bawah Kepala B.7 dan B.10 serta Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1973 di bawah Kepala P.7 dan P. 10 ditimbangkan sekali gus untuk diluluskan.

Peruntukan-peruntukan Tambahan Kepala-kepala yang disebutkan tadi adalah seperti berikut:

Tambahan Ketiga 1972--

- Kepala B. 1—\$ 84,930 untuk Parlimen
- Kepala B. 3—\$453,175 untuk Juru Odit Negara
- Kepala B. 5—\$ 19,700 untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- Kepala B. 7—\$605,174 untuk Perdana Menteri
- Kepala B. 9—\$ 77,000 untuk Jabatan Kehakiman
- Kepala B. 12—\$744,582 untuk Kementerian Hal Ehwal Sarawak

Kepala B. 1—Parlimen

Tambahan sebanyak \$84,930 adalah dikehendaki bagi menambah peruntukan perjalanan dan pengangkutan orang, oleh kerana peruntukan yang ada sebanyak \$900,000 itu telah didapati tidak mencukupi bagi membiayai perjalanan-perjalanan dalam tahun 1972.

Kepala B. 3—Juru Odit Negara

Peruntukan tambahan berjumlah sebanyak \$453,125 adalah dikehendaki seperti berikut:

- (i) \$448,900 ialah untuk membiayai tunggakan gaji kakitangan di Malaysia Timur berikutan dengan pelaksanaan skim Gaji Suffian dan lagi pembayaran Elaun Kawasan dan lain-lain elaun dan juga sumbangan Kerajaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan
- (ii) \$4,275 ialah sebagai sumbangan Malaysia kepada "International Organisation of Supreme Audit Institutions" terhadap penerbitan International Journal of Government Auditing yang bertujuan mengadakan pertukaran idea dan pengalaman dalam pengawalan kewangan awam.

Kepala B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Peruntukan tambahan sebanyak \$19,700 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan dengan pengambilan guru-guru oleh Suruhanjaya ini berikutan dengan pelaksanaan Lapuran

Aziz, dan pengambilan guru-guru sebelum daripada ini adalah dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran.

Kepala B. 7—Perdana Menteri

Peruntukan tambahan sebanyak \$605,174 dikehendaki adalah seperti berikut:

- (i) \$63,443 di bawah peruntukan gaji bagi membiayai bayaran elaun-elaun kepada Pengerusi dan lain-lain ahli Suruhanjaya Gaji Badan-badan Berkanun dan Awam bagi tempoh 1hb Julai sehingga 31hb Disember, 1972;
- (ii) \$22,425 di bawah Perkhidmatan dan Bekalan bagi membiayai perbelanjaan mengurus Suruhanjaya tersebut;
- (iii) \$315,644 di bawah aktiviti "Pentadbiran Am" bagi membiayai perbelanjaan berkenaan dengan Pertandingan Membaca Quran, 1972; perbelanjaan bagi perayaan menyambut Hari Kebangsaan 1972 dan juga lawatan-lawatan orang kenamaan luar negeri ke Malaysia;
- (iv) \$9,900 untuk membeli sebuah "electric desk computer programmes 101" untuk Bahagian Perancang Ekonomi dan \$193,352 bagi membiayai bayaran "Local Cost Assessment" kepada Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu untuk tahun 1972.

Kepala B. 9—Jabatan Kehakiman

Peruntukan tambahan sebanyak \$77,000 adalah dikehendaki bagi menambah peruntukan "perjalanan dan pengangkutan orang" oleh kerana peruntukan yang ada tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan dalam tahun 1972.

Kepala B. 12—Kementerian Hal Ehwal Sarawak

Peruntukan tambahan sebanyak \$744,582 adalah dikehendaki untuk perbelanjaan mengurus tugas-tugas Perbendaharaan dan Perjawatan yang telah dipindahkan ke bawah Kementerian Hal Ehwal Sarawak mulai 1hb Ogos, 1972. Tugas tersebut dahulunya diletakkan di bawah Kepala Perbelanjaan yang berasingan di bawah Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tambahan pertama tahun 1973:

- Kepala B. 7 \$33,637 untuk Perdana Menteri.
- Kepala B. 10 \$221,000 untuk Perangkaan.

Kepala B. 7—Perdana Menteri

Peruntukan sebanyak \$33,637 adalah dikehendaki seperti berikut:

- (i) \$25,847 di bawah peruntukan gaji bagi membiayai pembayaran elaun-elaun kepada Pengerusi dan lain-lain ahli Suruhanjaya Gaji Badan-badan Berkanun/Awam bagi tempoh 1hb Januari, 1973 sehingga 3hb Mach, 1973; dan
- (ii) \$7,790 di bawah Perkhidmatan Perbekalan bagi membiayai perbelanjaan mengurus Suruhanjaya tersebut.

Kepala B. 10—Perangkaan

Peruntukan tambahan sebanyak \$221,000 dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berhubung dengan penyiasatan gunatenaga (manpower survey) tahun 1973 yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan. Kos penyiasatan ini termasuk gaji dan elaun-elaun kakitangan dan lain-lain perbelanjaan pelbagai.

Tambahan diminta bagi tahun 1972 di bawah Kepala Bekalan adalah berjumlah \$1,984,561 dan bagi tahun 1973 berjumlah \$254,637. Kedua-dua jumlah tersebut telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya semua peruntukan tambahan yang disebutkan tadi menjadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih pula kepada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan yang Pertama Tahun 1973. Saya mengusulkan supaya anggaran di bawah kepala P. 7 dan P. 10 diluluskan. Anggaran di bawah Kepala-kepala disebutkan tadi ialah seperti berikut:

Kepala P. 7—Perdana Menteri \$1,170,910
Kepala P. 10—Perangkaan ... 175,659

Kepala P. 7—Perdana Menteri

Peruntukan Tambahan yang berjumlah \$1,170,910 yang dipohonkan di bawah Kepala P. 7—Perdana Menteri adalah bertujuan untuk membiayai perkara berikut:

- (i) *Pecahan-kepala 5—Penilaian Punca Alam Semulajadi*

Projek penilaian punca-punca alam ini atau evaluation of natural resources bagi Semenanjung Malaysia adalah dirangka

untuk mendapatkan keterangan-keterangan lengkap mengenai dengan kemudahan-kemudahan serta keadaan pembangunan yang terdapat di kawasan-kawasan di serata Semenanjung Malaysia. Selain daripada mendapatkan kenyataan-kenyataan yang boleh menentukan cara-cara bagaimana rancangan-rancangan pembangunan di lapangan pertanian, perhutanan dan di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar boleh dimajukan.

Perkara-perkara penting yang memerlukan pembayaran ialah mengenai pembelian alat-alat mengambil gambar dari udara (aerial photography), "photogrametric" dan lain-lain barang yang perlu yang berkaitan dengannya seperti filem-filem, bahan-bahan kimia dan sebagainya untuk memproses dan menyediakan gambar-gambar tersebut, peta-peta dan lapuran-lapuran bagi tujuan projek ini.

Peruntukan asal yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Kedua bagi tujuan ini ialah sebanyak \$600,000 tetapi disebabkan kenaikan harga alat-alat tersebut dan kos penggunaan kapalterbang, anggaran perbelanjaan projek ini telah meningkat menjadi \$1,093,500. Oleh itu, tambahan sebanyak \$150,500 adalah diperlukan.

- (ii) *Pecahan-kepala 11—Bangunan Sekretariat, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam*

Satu pecahan-kepala baru telah diadakan sebagai Pecahan-kepala 11—Bangunan Sekretariat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Sekretariat baru di kawasan Masjid Negara itu mengandungi bangunan-bangunan untuk rumah Pusat Penyelidikan Islam, Instituti Dakwah, Instituti Pengajian Al-Quran, sebuah asrama dan sebuah perumahan seorang pegawai atau Warden.

Perbelanjaan dianggarkan berjumlah sebanyak \$910,000. Apabila kompleks tersebut siap kelak, Sekretariat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam akan mempunyai pejabat yang tetap serta lain-lain kemudahan untuk menjalankan penyelidikan-penyelidikan bagi mengadakan latihan-latihan kursus-kursus berkaitan dengan ugama Islam. Oleh kerana sebahagian daripada kompleks tersebut akan digunakan sebagai Sekretariat, adalah dicadangkan supaya Kerajaan membiayai sebanyak \$500,000 dan bakinya di-biayai dari bekalan wang yang dipungut dahulu untuk pembinaan Masjid Negara.

(iii) *Pecahan-kepala 12—Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah*

Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini telah ditubuhkan pada 1hb Mei, 1973. Lembaga tersebut diwujudkan untuk memajukan dan mengawasi segala rancangan pembangunan untuk kawasan Trengganu Tengah dengan cara yang teratur. Lembaga tersebut adalah dianggotai oleh wakil-wakil dari Kerajaan Pusat dan Negeri. Lembaga ini ditubuhkan untuk melaksanakan Rancangan Trengganu Tengah mengikut dasar Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Trengganu. Untuk tujuan ini, Lembaga tersebut telah dilengkapi dengan kuasa-kuasa tertentu untuk merancang, menggalak, melaksanakan dan mengawasi rancangan-rancangan perumahan, pertanian, perindustrian dan perdagangan di kawasan tersebut, mengikut kehendak-kehendak rancangan pada keseluruhannya. Lembaga ini adalah bertanggungjawab terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Anggaran Perbelanjaan (Operasi dan Pembangunan) Lembaga tersebut bagi tahun 1973 sehingga 1975 adalah dikenakan daripada satu peruntukan permulaan (Launching Grant) sebanyak \$2 juta yang telah disediakan oleh Kerajaan Pusat. Daripada jumlah ini sebanyak \$520,410 akan dibelanjakan dalam tahun 1973.

Kepala P. 10—Perangkaan

Peruntukan tambahan sebanyak \$175,659 di bawah Pecahan-kepala 1—Komputer untuk Bahagian Penyusun Butir, adalah dikehendaki untuk membayar baki membeli sebuah komputer yang telah ditempah pada tahun 1969. Komputer itu berharga \$2,356,523. \$6,444 telah dibayar dalam tahun 1969. \$1,314,220 telah dibayar dalam tahun 1970 dan baki yang belum dijelaskan berjumlah \$175,659. Peruntukan sebanyak \$175,659 inilah yang diperlukan sekarang.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ramai yang hendak bercakap dalam peringkat Jawatankuasa ini, saya berkehendakkan seseorang Ahli yang akan bercakap di bawah satu-satu Kementerian tak lebih daripada 10 minit sahaja.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, yang pertama sekali saya

ingin menyentuh berkenaan B.1—Parlimen. Peruntukan yang diminta di sini ialah kerana “Perjalanan dan Pengangkutan Orang” dan ini termasuklah pembayaran elaun kepada Ahli-ahli yang menghadiri persidangan ini.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa Dewan ini atau Parlimen ini adalah suatu Rumah yang mulia, kerana menerusi rumah inilah diluluskan segala undang-undang dan peraturan dan undang-undang serta peraturan yang diluluskan oleh Rumah yang mulia ini dipertanggungjawabkan supaya dipatuhi dan dihormati oleh semua rakyat di dalam negara ini. Saya suka menarik perhatian Kerajaan mengenai dengan suatu undang-undang yang telah diluluskan oleh Rumah yang bertuah ini, yang kita namakannya Perlembagaan.

Mengikut Perlembagaan, bahawa sesudah negara ini mencapai kemerdekaan, selepas 10 tahun, maka bahasa Malaysia adalah menjadi bahasa rasmi di dalam negara kita ini dan bagi Malaysia Timur diberi tempoh 10 tahun selepas Malaysia dilahirkan. Maka bahasa Malaysia adalah menjadi bahasa rasmi bagi seluruh Malaysia. Apa yang saya hendak sentuh di sini, sekarang ini kita sudah masuk ke tahun yang ke 16 Malaysia mencapai kemerdekaan dan masuk ke tahun yang ke 10 sesudah tertubuhnya Malaysia.

Saya nampak di dalam Dewan ini masih ada Ahli-ahli yang keberatan hendak menggunakan bahasa Malaysia di dalam perbahasannya, kecuali setelah dipaksa oleh Tuan Yang di-Pertua, ataupun tidak dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua, mereka menggunakan bahasa Malaysia dengan agak yang boleh difahami. Seperti contohnya kalau kita lihat sekarang ini apabila sampai kepada giliran Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut di mana Tuan Yang di-Pertua, telah membuat suatu peraturan hanyalah di dalam bahasa Malaysia sahaja dapat digunakan, saya nampak Ahli-ahli dapat mengambil bahagian dengan baik dan sempurna dan dapat difahami oleh Menteri untuk menjawab. Tetapi apakala sampai kepada giliran membahaskan usul ataupun membahaskan Rang Undang-undang maka bangunlah Ahli-ahli agak tidak mahu menggunakan bahasa Malaysia itu meminta izin kepada Tuan Yang di-Pertua kerana di bawah suatu kelonggaran yang diberi oleh Dewan ini bahawa kiranya dengan izin Tuan Yang di-Pertua bolehlah mereka menggunakan bahasa Inggeris. Apa yang saya maksudkan, Tuan Pengerusi

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Bolehkah Yang Berhormat beritahu bahawa di bawah Kepala mana Yang Berhormat bercakap?

Tuan Pengerusi: Kepala B. 1—Parlimen. Pecahan-kepala berapa?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Kepala B. 1—Parlimen.

Tuan Pengerusi: Kepala Parlimen, Kertas Perintah bilangan berapa supaya senang Ahli Yang Berhormat itu boleh merujuk kepada Kertas Perintah dan Pecahan-kepala.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kawasan Bandar Melaka yang agaknya tidur barangkali, Kertas Perintah 14 Tahun 1973, muka surat 6, Kepala Bekalan 1—Parlimen.

Tuan Pengerusi: Ya, pecahan (2) Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Boleh dibahaskan berkenaan dengan policy of the service—Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, seperti yang saya katakan tadi bahawa kita sudah mencapai kemerdekaan masuk tahun ke 16 dan lahir Malaysia kita sudah masuk tahun yang ke 10 cuma hendak genap 10 tahun tunggu hanya sehingga ke 16hb September, 1973 ini cukuplah tempoh yang dikatakan oleh Perlembagaan 10 tahun selepas Malaysia dilahirkan—itu mengikut fahaman saya. Jadi, oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya merayu dan meminta jaminan kepada Kerajaan bahawa di dalam Persidangan Dewan Rakyat ataupun di dalam persidangan Belanjawan yang akan berlangsung pada bulan Disember tahun ini, maka waktu itu tentulah sudah cukup sempurna kehendak-kehendak Perlembagaan seperti dikanunkan. Saya merayu supaya Tuan Pengerusi dapat memberi suatu nilai yang setaraf dengan pengakuan Perlembagaan terhadap bahasa Malaysia dan tidak ada lagi kelonggaran bagi mereka yang memangnya tidak mahu menggunakan bahasa Malaysia di dalam perbahasan ini. Kerana, daripada apa yang diberi fahaman kepada saya tidak ada di dalam dunia seperti Malaysia ini yang begitu longgar memberi kelonggaran kepada

Ahli-ahli yang dia membuat undang-undang Ahli yang ada di Dewan ini ialah Ahli yang membuat undang-undang, dengan harapan supaya rakyat mematuhi undang-undang yang dibuat itu. Saya berpendapat tidak selayak bagi mereka yang membuat undang-undang tetapi mereka sendiri tidak mahu menghormati undang-undang yang dibuat oleh mereka sendiri. Kalau beginilah keadaan perjalanan terus-menerus, Tuan Pengerusi, maka akan jadilah kepada orang-orang yang tidak mahu menghormati undang-undang yang dia buat sendiri dalam Dewan ini seperti kata pepatah Melayu: “ketam hendak mengajar anaknya berjalan betul”. Dan ini nampaknya melibatkan banyak kepada Ahli-ahli Pembangkang daripada DAP.

Kemudian perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sentuh Kepala P. 7—Perdana Menteri. Di dalam banyak-banyak wang yang diperuntukkan di sini salah satu daripadanya ialah untuk melahirkan Bangunan Sekretariat, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, di Komplek Masjid Negara seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Jabatan Perdana Menteri, bahawa Sekretariat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam ini banyak mempunyai tujuan-tujuan dan tugasnya termasuklah bahagian dakwah. Saya ada satu sebabnya hendak sentuh di sini selain daripada kita memberi dakwah dan menghalusi perkara-perkara yang mengenai dengan soal-soal agama dan menitikberatkan kerja-kerja di dalam perkembangan agama Islam. Saya minta kepada bahagian ini menghalusi kepada majallah-majallah dan buku-buku yang diterbitkan samada di luar negeri yang hendak dibawa masuk ke dalam negeri ini ataupun dalam negeri ini sendiri yang ayatnya boleh jadi merusakkan fahaman dan akaid untuk umat Islam dalam negeri ini. Satu contoh, yang saya suka sebutkan di sini sebuah syarikat yang besar di dalam Malaysia kita ini iaitu Utusan Melayu, baharu-baharu ini ada mengeluarkan suatu rencana menerusi Utusan Kiblat iaitu suatu majallah yang berunsur agama, keluaran bulan Jun, 1973 ini, ada menulis di dalam suatu siarannya, di muka surat 18 di dalam majallah itu mengenai dengan surat tulisan Nabi s.a.w. dijumpai. Apa yang saya maksudkan di sini bahawa sudah menjadi satu keyakinan kepada umat Islam bahawa Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. ialah seorang pemimpin yang memang tidak boleh menulis

dan tidak boleh membaca. Tetapi apakala dipamirkan di dalam majallah ini bahawa surat yang disiarkan itu adalah merupakan surat tulisan Nabi sendiri dijumpai, maka tergambar di dalam pemikiran setengah-setengah kanak-kanak sekolah bahawa Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. ialah seorang yang boleh menulis rupanya.

Walaupun perkataan itu dimaksudkan surat yang diutuskan oleh Junjungan kepada seorang Raja pada masa itu, tetapi amatlah tidak menepati kalau ditulis dengan perkataan "Surat yang ditulis oleh Nabi sendiri sudah dijumpai", sebab lain dimaksudkan surat yang telah diutuskan oleh Nabi dijumpai.

Dengan sebab itu saya berharap kepada bahagian ini, Bahagian Sekretariat Islam ini dapat mengikuti setiap patah kandungan majallah-majallah yang berunsur ugama yang diterima di dalam negara kita ini supaya tidak merosakkan akaid dan fahaman umat Islam di dalam negara ini.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi: Tolong Ahli Yang Berhormat sebutkan Kepala berapa, Command Paper nombor berapa supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain boleh ikut.

Tuan Lim Kit Siang: Di samping bercakap dalam bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Yang Pertama, Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 14, Tahun 1973, Kepala Bekalan 1—Parlimen. Tadi kita mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Besut yang menimbulkan perkara kegunaan bahasa Malaysia di Dewan ini dan beliau mengecam pihak Pembangkang daripada DAP dan saya harap kita dalam Dewan ini boleh mengambil satu sikap bertoleransi dan sabar. Bagi pihak Ahli-ahli Parlimen yang bukan Melayu kita cuba sedayaupaya menggunakan bahasa Malaysia dan tentu dalam Dewan ini ada Ahli-ahli Parlimen yang tidak fasih dalam bahasa Malaysia, bukan sahaja dari pihak Pembangkang, tetapi from Front Bench, Menteri-menteri Perikatan. Kita tahu Yang Berhormat Menteri Kewangan bila beliau menjawab mesti menggunakan bahasa Inggeris, tetapi kenapa Ahli Yang Berhormat dari Besut diam sahaja, mahu kecam parti DAP, tidak sentuh dan sebut perkara ini.

Itu menunjukkan satu sikap sempit, fikiran sempit yang tak berguna kepada

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak bagi jalan. Saya harap kita boleh dapat satu sikap broad-minded. Bagi pihak kita, kita akan cuba sedayaupaya menggunakan bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sendiri cukup fasih bercakap dalam bahasa Malaysia, kenapa hendak minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu fikir dahulu, mahu plan-plan dahulu. Saya bukan ahli pidatu seperti Ahli Yang Berhormat dari Besut. Misalnya, lagi sebelum saya tamatkan perkara ini, semalam bila saya mencadangkan bahawa Lapuran Murad dikeluarkan dalam bahasa Cina dan Tamil, Ahli Yang Berhormat dari Baling mengatakan itu satu permintaan yang terlebih, saya rasa itupun satu sikap sempit yang tidak bertoleransi dan tidak berguna kepada national unity negara kita, dan saya harap Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara ada di sini, saya harap beliau boleh gunakan jasa Kementerianya untuk menasihatkan kepada Ahli-ahli Parlimen daripada pihak Perikatan jangan ada sikap-sikap extreme, sikap-sikap tidak baik yang tidak berguna kepada negara kita.

Satu perkara lagi di bawah pecahan-kepala ini ialah kita diminta peruntukan tambahan sebanyak \$84,000 untuk Perjalan dan Pengangkutan.

(Dengan izin): Sir, I think the provision for these expenses for transportation for Members of Parliament to attend these meetings is necessary, but I think it is important that Honourable Members of Parliament should come to this House and act as responsible Members of Parliament and not as irresponsible Members of Parliament; otherwise they will be just getting "gaji buta". For the last four days, everyday adjournment speeches have been sabotaged because of the deliberate

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Saya harap Ahli Yang Berhormat itu menarik balik perkataan "gaji buta".

Tuan Pengerusi: Perkataan “Gaji buta” minta tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak menerangkan dan justify

Tuan Mohd Tahir bin Abdul Majid: Mengikut Peraturan Mesyuarat, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Perkataan “Gaji buta” kena tarik balik. Saya bersetuju perkataan “Gaji buta” ditarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: I take it back. For the last four days adjournment speeches have been sabotaged because of the deliberate behaviour, especially of Alliance Members of Parliament who at 6.30 p.m. would walk out leaving no quorum. We do not expect the Alliance Members of Parliament to provide quorum to Opposition Party Members of Parliament. We know that we ourselves would not be able to provide the 26 MPs to provide a quorum, but we would expect Members of Parliament, including those from the Alliance who are responsible, who do not want to accept “gaji buta” to stay back

Tuan Pengerusi: The word “buta” is not to be used anymore.

Tuan Lim Kit Siang: I said that those who do not want to have “gaji buta” should stay back

Tuan Pengerusi: Perkataan “gaji buta” tidak boleh digunakan lagi. Tolong tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: All right. They should stay back and allow the voices and the difficulties of the people to be expressed in this House. If you look at this list of catalogue of adjournment speeches of subjects, let us see—Cuti Belajar bagi Guru-guru concerns teachers. Kedudukan beras di Malaysia

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Di-harap Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ketika berucap hendaklah mengadap kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk pendengaran Ahli Yang Berhormat dari Besut.

Tuan Pengerusi: Dia pandang sana pun boleh juga, tetapi dia hadapkan ucapannya kepada Tuan Pengerusi. Pandang boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Kedudukan beras di Malaysia ialah satu perkara yang sangat rumit. Citakan Biru Pembangunan bagi kampung-kampung baru, Sara hidup yang melambung tinggi.

Tuan Pengerusi: You cannot touch in detail. Ini berkenaan dengan kenaikan peruntukan Perjalanan dan Pengangkutan.

Tuan Lim Kit Siang: Just to show that we provide provisions for kenaikan travel expenses and all in order to have this House honoured and not bring shame to this House, and I am sure it is a shameful thing to this House that we must adjourn everyday. I think in the annals of Parliamentary history in the whole world, no Parliament has had such a disgraceful thing taking place and I hope henceforth this will not take place here. Let us honour this House and let us not use this House for some petty partisan nit-pricking purpose.

Sekarang saya menyentuh Kepala P. 8—Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Pengerusi: Kita belum sampai lagi. Yang kita hendak berunding sekarang ialah Kepala B 1, 3, 5, 7, 9, 10 dan P. 7 dan 10. Apabila sampai kepada Kepala itu boleh dibahaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. To sum up therefore, I would urge Members of this House of all parties to exercise a greater sense of responsibility. Let us act whereby we can be proud of ourselves, proud of this House and the people can be proud of us. Thank you.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil masa sedikit sahaja untuk menyentuh dua perkara. Pertama dalam Kepala P. 7, Pecahan-kepala 11—Bangunan Sekretariat, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwat Ugama Islam.

Tuan Pengerusi, saya percaya tiap-tiap seorang warganegara Malaysia yang taat setia, khasnya orang-orang Islam adalah berterima kasih dan memberi penghargaan yang tinggi kepada Kerajaan khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas usahanya yang bersungguh-sungguh untuk menyebarkan pengajaran Islam, agama rasmi negara ini dengan berbagai cara dan di antaranya memberi peruntukan wang bagi mendirikan sebuah kompleks iaitu bangunan

Sekretariat, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang mengandungi Pusat Penyelidikan Islam, Instituti Dakwah dan Pengajian Al-Quran. Saya percaya ini akan mengambil masa beberapa bulan untuk menyiapkan bangunan tersebut, tetapi setahu saya sehingga ini belum lagi ada pegawai-pegawai baharu yang akan memenuhi jawatan-jawatan ini, diambil untuk bertugas bila bangunan ini siap kelak. Oleh itu, saya harap pegawai-pegawai yang akan bertugas dalam bahagian tersebut terutama dalam Bahagian Penyelidikan dan Dakwah patutlah diambil dari sekarang dan dihantar ke luar negeri seperti di Pakistan yang telah lama mempunyai Research Centre-nya dan di Amerika, London dan lain-lain tempat yang difikirkan mustahak bagi memenuhi dalam Bahagian Research ini. Dan juga untuk menghantar pegawai-pegawai kita bagi mengambil kursus juga di Indonesia dalam bahagian dakwah. Dengan cara ini bila bangunan yang sedang dibina ini siap kelak kita telah siap sedia dengan pegawai-pegawai yang telah terlatih untuk terus menjalankan tugas masing-masing.

Satu perkara lagi, yang saya suka menarik perhatian pihak yang berkenaan ialah kerap kali berlaku dalam pengambilan pegawai-pegawai untuk bertugas di bidang ugama ini ialah kurang sambutan yang kita dapati dari mereka-mereka yang berkebolehan. Ini adalah disebabkan susunan gaji yang dibuat adalah lebih rendah dari pegawai-pegawai yang bertugas di bidang lain. Saya harap, perkara ini tidak akan berlaku dalam pengambilan pegawai-pegawai baharu yang akan bertugas dalam kompleks Islam ini.

Yang kedua, dalam Butiran 2—Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah. Mengenai Lembaga ini setahu saya sebahagian besar kawasan yang diuntukkan kepada Lembaga ini mempunyai kawasan hutan simpan yang baik. Oleh itu apa yang saya harapkan ialah segala kayu-kayan yang ada dalam kawasan ini dapat mendatangkan hasil yang baik kepada Lembaga dan tidak sebagaimana setengah-setengah kawasan yang telah dimajukan di mana kayu-kayan yang baik terpaksa dibakar untuk mempercepatkan menjalankan projek dalam kawasan ini dan dengan cara ini negara dan juga bagi pihak Lembaga itu mengalami kerugian yang banyak.

Saya harap pihak Lembaga dapat menyusun supaya segala isi hutan yang berhasil itu dan berharga dapat dikeluarkan dengan teratur dan tidak melibatkan menjadi sebagaimana rancangan yang telah lalu di mana beratus-ratus ekar dibakar dari isi hutan yang tersebut.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap di atas Kepala B. 1—Parlimen. Malaysia telah merdeka hampir-hampir 15 dan 16 tahun. Di dalam tempoh 15-16 tahun tentu sekali bahasa Kebangsaan kita yang kita katakan hendak menjadi bahasa yang tunggal di dalam 10 tahun selepas kemerdekaan di Tanah Melayu ini tetapi mesti ditimbang soal Sabah dan Sarawak apabila Sabah dan Sarawak menjadi satu kumpulan Malaysia maka 10 tahun selepas itu—1972 bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa tunggal di seluruh Malaysia ini.

Kalau sekiranya budak sekalipun belajar terutama sekali di Malaysia ini betul-betul belajar memikirkan bahasa Malaysia ini bahasa penting untuk rakyat Malaysia, taat setia kepada negeri ini maka tentu sekali bahasa Kebangsaan ini dipelajari oleh segenap lapisan rakyat, baik kaya, baik miskin, baik budak-budak, baik orang tua terutama sekali, Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Parlimen. Sebab, kita semua tahu di dalam Perlembagaan kita baca bersama-sama tahu iaitu selepas 10 tahun melainkan orang-orang yang tak ambil peduli, yang bingal iaitu bahasa Kebangsaan ini apa dipedulikan, bahasa Inggeris ada—bahasa dunia. Kita cakap bahasa Inggeris siapa hendak larang. Sungguhpun bahasa Inggeris ialah bahasa dunia—lingua-franca of the world tetapi bahasa Kebangsaan adalah bahasa yang penting di Malaysia ini.

Jikalau kita hendak bekerja sekalipun mestilah tahu bahasa Malaysia di mana sahaja. Saya fikir, selepas bulan September, 1973 ini maka sampailah umur bahasa Malaysia ini 10 tahun di Malaysia, tak boleh orang kata apa sebab hendak ditangguh-tangguhkan lagi. Tak boleh ditangguhkan oleh kerana sudah dewasa sangat. Ditangguhkan 10 tahun lagi, 10 tahun lagi dia minta; 10 tahun lagi, 10 tahun lagi dia minta; tolak ansur ke tolak ansur—tolak ansur, tak habis-habis. Jadi tolak ansur ini ada batasnya.

Tuan Pengerusi: Saya fikir berkenaan dengan bahasa di Parlimen ini tidak kata dengan sepatutnya boleh di bawa Kepala ini dengan sebenarnya sebab ini ialah bersangkut dengan angkat-mengangkut, cuma dibenarkan sentuh. Bila diangkat ahli datang itu dia hendak bercakap di sini itu yang saya benarkan sedikit tadi tetapi janganlah bawa butir-butir. Yang boleh dibahaskan butir-butir ialah atas perbelanjaan yang diminta ialah kerana angkat-mengangkut. Dibenarkan tadi berkenaan cakap bahasa oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut sebab yang diangkat Ahli Dewan ini dibayar elaun kerana datang bersidang di sini tetapi janganlah menjadi butir perbahasan berkenaan dengan bahasa. Jikalau sekiranya kita berbahas berkenaan dengan hendak memindakan Standing Order-kah atau dasar polisi, itu bolehlah di bawa berkenaan dengan bahasa. Jadi minta pendekkan itu dan banyak perkara lain lagi yang boleh di bawa.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Terima kasih. Ini lagu-lagu sahaja.

Tuan Pengerusi: Bila laju, laju sangat—tak tertahan. Bubuh berek sedikit.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Saya pendekkan sahaja, tak payah panjang-panjang.

Tuan Pengerusi: Bagus, sudah habis!

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Dua minit lagi.

Tuan Pengerusi: Satu minit sahaja lagi.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Jadi tak adalah dapat satu orang pun mengatakan nanti lagi. Itu sahajalah, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, dalam saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, gemar saya bercakap berkenaan dengan B.1—Parlimen dan saya tidak hendak berbahas panjang dalam masalah ini cuma saya hendak menekankan iaitu menyokong atas pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat rakan sejawat saya dari Besut dan Kuala Selangor. Kemudian saya ingat hendak menjawab tuduhan yang dikemukakan oleh rakan sejawat saya dari Bandar Melaka.

Tuan Pengerusi: Sudah habis fasal bahasa tadi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ini bukan fasal bahasa.

Tuan Pengerusi: Perkara lain?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ya. Dalam masaalah beliau bersungutkan bahawa Parlimen kita pada kali ini menjalankan peraturan yang lain iaitu dia bersungut perbahasan itu dipendekkan dan yang keduanya ucapan penangguhannya tak dapat diteruskan. Masaalah ini, Tuan Pengerusi, bahawa ini sangat sesuai dibuat oleh Parlimen dengan memendekkan ini

Tuan Pengerusi: Inipun tak bersangkut.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya hendak jawab

Tuan Pengerusi: Tadi saya telah terbenar dia bercakap fasal ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ketika kawan-kawannya membuat ucapan penangguhan dia bersungutkan tak dapat diteruskan. Saya cabar dia, Ahli-ahli Pembangkang yang ada 26 orang mengapa tak duduk dalam Dewan ini?

Tuan Pengerusi: Tadi dia kata tak cukup 26 orang!

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Kalau tak cukup 26 orang dia cari ahli lagi, Tuan Pengerusi. Kalau tidak berupaya jangan buat ucapan penangguhan sebab ucapan penangguhan itu telah jemu rakyat mendengarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya terima cabarannya, Tuan Pengerusi. Kita ada 80%

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya tak benarkan, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Pihak di sebelah sana 10% pun tak ada.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya tak beri jalan.

Tuan Pengerusi: (Kepada Tuan Lim Kit Siang) Sila duduk!

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Bagi pihak kami orang Kerajaan memang sudah jemu, tak mahu mendengar ucapan penangguhan yang lapuk, yang berulang-ulang yang tidak memberi faedah kepada rakyat. Oleh itu saya fikir parti Pembangkang kalau hendak

buat ucapan penangguhan itu patut dikurangkan daripada keadaan yang ada sekarang. Bagi pihak kami, sangatlah menghargai masa, sangat menghargakan rakyat dan kami fikir pegawai-pegawai Kerajaan yang datang ke sini kalau disuruh balik dengan segera dia boleh dapat berehat setelah dia hadir dalam Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, dalam masalah Anggaran Pembangunan Tambahan P.7—Perdana Menteri, Pecahan-kepala 11, Bangunan Sekretariat, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam telah banyak dikatakan oleh rakan-rakan sejawat saya. Saya sangat bangga dengan peruntukan yang diminta sebanyak \$500,000 ini kerana daripada bangunan ini akan sesuailah beberapa perkara bidang yang akan diusahakan oleh Sekretariat ini. Tadi telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ketika membawa usul ini berhubung dengan dakwah Islam.

Saya hendak katakan bahawa dakwah Islam ini satu perkara yang penting saya fikir patut diusahakan iaitu dibanyakkkan buku-buku yang berunsur Islam. Kalau kita tidak ada pengarang-pengarangnya di Malaysia ini, kita kena ambil ahli-ahli penterjemah buku-buku Islam itu, khasnya daripada Indonesia. Sebab daripada buku-buku inilah akan dapat meluaskan lagi penyebaran agama Islam dan dapat dibaca oleh pelajar-pelajar kita dalam negeri ini.

Dalam masalah ini juga, saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu satu persetujuan telah dapat dibuat oleh Majlis Raja-raja dalam negeri ini bagi menyatukan pentadbiran urusan agama Islam dalam negeri ini. Ini sangat dihargai dan dijunjung tinggi oleh umat Islam dalam negeri ini, tetapi saya suka bertanya, bilakah rancangan ini dapat dijalankan, adakah pada tahun ini. Kita telah jemu menengok perbezaan, umpamanya kutipan zakat fitrah antara sesebuah negeri dengan sesebuah negeri berlainan dan disamping hendak menyatukan pentadbiran urusan agama Islam seluruh negeri ini yang akan diamal, yang akan diterima oleh umat-umat Islam, saya ingin memberitahu khasnya kepada Perdana Menteri bahawa gaji pegawai-pegawai agama ini patut dipertimbangkan.

Satu perkara, misalnya dalam masalah gaji khadi. Gaji khadi sangat rendah, tidak sesuai dia sebagai hakim. Kadang-kadang

mereka yang keluar daripada Al-Azhar tidak mahu lagi memegang jawatan khadi, mereka lebih suka menjadi guru. Jadi dengan keadaan yang semacam ini, Perdana Menteri dan kerjasama Majlis Ugama tiap-tiap negeri supaya menimbangkan, memikirkan balik tangga-gaji khadi-khadi seluruh Malaysia ini setaraf dengan dia sebagai hakim dalam segi agama.

Itulah sahajalah, sebagai menyempurnakan kehendak Tuan Pengerusi berkehendakkan saya bercakap 10 minit. Saya bercakap 8 minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I refer to Kertas Perintah 13, muka 5, Kepala T. 12. Item 4100.

Tuan Pengerusi: T. tidak termasuk di sini. Kepala-kepala yang dibincangkan sekarang ialah B. 1, B. 3, B. 5, B. 7, B. 9, B. 10, P. 7 dan P. 10.—Kalau tidak ada lagi perbincangan; Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya memberi ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyokong peruntukan yang diminta sebagaimana yang disebutkan tadi.

Yang pertama, saya suka menjawab sedikit tentang ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang telah mengecam pihak penyokong-penyokong Kerajaan kerana tidak ada dalam Parlimen pada masa Ucapan Penangguhan dibuat dalam sidang ini.

Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu supaya tidak membuat Ucapan-ucapan Penangguhan yang bertujuan semata-mata untuk memancing undi. Beliau boleh memancing undi di luar Dewan yang mulia ini. Samada Ahli-ahli daripada Perikatan mahupun Ahli-ahli dari Parti Pembangkang dan lain-lain parti ingin hadir semasa Ucapan Penangguhan itu, terpulanglah kepada mereka sendiri. Inilah cara demokrasi berparlimen yang harus difahami oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu, dan jikalau dikatakan bahawa Ahli-ahli

yang tidak hadir pada masa Ucapan Penangguhan itu sebagai Ahli-ahli yang tidak bertanggungjawab, saya mengatakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang sendiri yang lebih tidak bertanggungjawab, kerana tiap-tiap kali mereka datang dan meluahkan muntah-muntah kritik mereka, dan biasanya orang yang meluahkan muntah-muntah itu orang yang tidak sehat, mereka pun cabut keluar daripada Dewan ini pada masa jawapan diberi. Dan ini berlaku pada tiap-tiap kali Dewan ini bersidang, dan bukan pada masa ini sahaja, maka tidak sesuai sangat perkataan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ini mensifatkan apa yang berlaku dalam sidang kali ini sebagai sikap tidak bertanggungjawab pihak Kerajaan.

Saya ingatkan sekali lagi jikalau sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang hendak menarik minat rakyat dan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang hadir sekalian, mereka hendaklah membuat ucapan-ucapan yang tidak hanya semata-mata untuk memancing undi.

Tuan Pengerusi, saya rasa tentang ingatan daripada Ahli Yang Berhormat dari Besut dan disokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Muar Utara, tentang penggunaan bahasa Malaysia dalam Dewan ini, adalah satu pandangan yang baik. Tetapi Akta Bahasa Kebangsaan Tahun 1967 yang diluluskan dahulu adalah membenarkan bahasa Inggeris digunakan dengan kebenaran Tuan Speaker. Maka terpulanglah kepada bijakbicara Speaker Dewan ini untuk menimbangkan patut atau tidak dibenarkan seseorang Ahli itu bercakap dalam bahasa lain daripada Bahasa Kebangsaan iaitu bahasa Malaysia. Saya sendiri dan pihak Kerajaan merasa bahawa Malaysia sebagai bahasa perpaduan yang boleh menyatukan negara ini sepatutnya dikuasai dengan secepat mungkin oleh seluruh Ahli-ahli Dewan Rakyat ini supaya bahasa Malaysia akan menjadi faktor yang betul-betul memberi kesan yang sebenarnya untuk memperkuat dan mempercepatkan perpaduan nasional.

Mengenai dengan P. 7, tentang Kompleks Pusat Islam, maka saya memberi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Besut dan Kemaman dan dari Muar Utara yang telah menyokong kuat di atas peruntukan ini, dan ini membuktikan dengan

jelas tentang bagaimana seriousness pihak Kerajaan menjalankan peruntukan dalam Perlembagaan tentang ugama rasmi iaitu ugama Islam.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Besut supaya Majlis Kebangsaan Ugama Islam menjalankan usaha menghalusi penerbitan-penerbitan yang keluar akan diambil perhatian dan saya sendiri merasa jikalau ada sedikit kesilapan dalam mana-mana siaran yang tidak disengajakan seperti surat dikatakan oleh Majallah Qiblat yang ditulis oleh Nabi Muhamad s.a.w. tetapi yang sebenarnya surat yang diutuskan oleh Nabi Muhammad dan ditulis oleh jurutulisnya kerana Nabi Muhammad s.a.w. tidak boleh menulis dan membaca, maka haruslah dimaafkan.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman tentang pegawai-pegawai Majlis Kebangsaan Ugama Islam mengenai penyelidikan dan dakwah patut diambil dari sekarang, maka perkara ini memang sedang diambil tindakan pada masa ini, begitu juga, tindakan untuk membaiki tangga-gaji pegawai-pegawai yang hendak diambil itu sesuai dengan taraf akademi mereka, mudah-mudahan kita mendapatkan orang-orang yang betul-betul ahli yang dapat menjalankan tugas penyelidikan Islam dan dakwah Islam.

Saya boleh katakan bahawa tangga-gaji bagi seluruh jawatan-jawatan dalam bidang ugama sedang diperbaiki pada masa ini. Apatah lagi pihak Kerajaan telah mengistiharkan baharu-baharu ini, pengiktirafannya kepada semua ijazah-ijazah yang dikeluarkan oleh negeri Mesir, oleh beberapa buah negeri di Asia Barat termasuk Arab Saudi, Kuwait, Syria dan Iraq.

Pandangan Ahli dari Kemaman tentang pembangunan kawasan Trengganu Tengah adalah akan diambil perhatian dan diucapkan terima kasih. Saya percaya pihak Lembaga Trengganu Tengah akan menjalankan tugasnya sebagai yang dijalankan oleh Lembaga Johor Tenggara dan Pahang Tenggara untuk membuat rancangan yang baik bagi pembangunan kawasan di bawah Trengganu Tengah itu.

Pandangan Ahli dari Muar Utara supaya diperbanyakkan buku-buku Islam oleh Majlis Kebangsaan Ugama Islam menerusi Pusat Penyelidikan Islam, maka perkara ini memang akan dijalankan dan sedang

dijalankan pada masa ini. Sebagaimana saya katakan tadi pada masa ini tindakan sedang diambil untuk mengambil pegawai-pegawai yang sesuai bagi menjalankan tugas-tugas itu.

Mengenai dengan sungutan Ahli dari Muar Utara tentang tangga-gaji Kadhi yang sangat rendah, saya suka menyatakan kepada Dewan ini bahawa pihak Majlis Raja-raja dalam sidangnyanya yang baru lepas telah mempersetujui satu tangga-gaji baharu yang sesuai untuk jawatan-jawatan ugama iaitu jawatan Pegawai Pentadbiran Ugama Kanan dan Jawatan Mufti, ini termasuklah jawatan Kadhi, dan saya rasa tangga-gaji yang baharu yang dipersetujui oleh Majlis Raja-raja ini yang akan dijalankan di seluruh negeri-negeri di Malaysia adalah satu tangga-gaji yang sesuai dan menasabah, dan saya harap akan dapat diterima dengan baik oleh pegawai-pegawai ugama di seluruh negeri-negeri di Malaysia ini.

Saya juga suka hendak ulas sedikit tentang pandangan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara tadi yang mengatakan bahawa telah ada rancangan hendak menyatakan pentadbiran ugama Islam. Yang sebenarnya apa yang ada sekarang ini ialah penyelarasan pentadbiran ugama Islam yang dijalankan di bawah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Sepertimana Ahli Yang Berhormat itu tahu bahawa pentadbiran Ugama Islam adalah soal Negeri dan tiap-tiap Negeri menjalankan urusan pentadbirannya menurut kuatkuasa Negeri masing-masing. Apa yang diusahakan sekarang ialah supaya beberapa bidang mengenai hal ini dapat diadakan secara bersamaan dan selaras supaya tidak timbul perbezaan antara satu negeri dengan satu negeri; umpamanya sekarang ini sedang diusahakan satu undang-undang nikah-cerai Islam yang sama bagi semua negeri-negeri di Malaysia. Ini terpulang pula kepada pertimbangan negeri-negeri itu untuk menerima atau tidak satu Rang Undang-undang nikah-cerai yang sama. Saya percaya semua negeri-negeri dalam Malaysia pada masa ini mempunyai hasrat untuk mengadakan penyelarasan yang dapat diterima mereka dalam beberapa aspek pentadbiran yang sama ugama Islam ini, terutama dalam segi pentadbiran perkahwinan.

Tuan Pengerusi, itulah jawapan saya, dan saya mengucapkan setinggi terima kasih atas pandangan yang diberi, dan pihak

Kerajaan akan mengambil perhatian atas cadangan-cadangan yang diberi dengan jujur itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$84,930 untuk Kepala B. 1, \$453,175 untuk Kepala B. 3, \$19,700 untuk Kepala B. 5, \$605,174 untuk Kepala B. 7, \$77,000 untuk Kepala B. 9, \$744,582 untuk Kepala B.12 (1972), \$33,637 untuk Kepala B. 7 dan \$221,000 untuk Kepala B. 10 (1973) diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan \$1,170,910 untuk Kepala P. 7 dan \$175,659 untuk Kepala P. 10 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) 1973.

Kepala B. 12—

Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Pengerusi, saya memohon supaya Belanja Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1973 bagi Kementerian Perpaduan Negara untuk tahun 1973 di bawah Kepala B. 12 pecahan-kepala 4100—Pemberian Subsidi dan carum-carum bagi Muhibbah berjumlah \$171,000 diluluskan. Peruntukan tambahan sebanyak \$171,000 adalah dikehendaki untuk membayar gaji dan tuntutan perjalanan kakitangan Balai Muhibbah, belanja mencetak Balai Muhibbah, gaji dan tuntutan perjalanan Tiga Orang Pegawai Perhubungan Masyarakat serta elaun 10 orang Setiausaha Kerja Jawatankuasa Muhibbah Negeri.

Balai Muhibbah ialah Berita Rasmi Kementerian Perpaduan yang dikeluarkan tiap-tiap 2 minggu untuk bacaan pelajar-pelajar kelas perpaduan rakyat. Buat masa ini ada sebanyak 2,440 buah kelas tersebut dan pelajar-pelajarnya berjumlah 558,147. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum kelas perpaduan rakyat telah ditubuhkan untuk mencapai matlamat bagi membolehkan semua rakyat, khasnya yang bukan Melayu mempelajari Bahasa Malaysia dan boleh menulis dan bertutur dalam bahasa itu. Pelajar-pelajar ini juga dapat memahami hak-hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara Malaysia melalui pelajaran sivik dan kewarganegaraan.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya Majlis ini meluluskan peruntukan tambahan yang dikehendaki oleh Kementerian Perpaduan Negara yang berjumlah \$171,000 itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$171,000 untuk Kepala B. 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala P. 13 dan P. 14—

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan Anggaran Pembangunan Kementerian Pertanian dan Perikanan tahun 1972 di bawah Kepala P. 13, Pecahan-kepala 8 ditambah dengan peruntukan tanda sebanyak \$10 untuk perbelanjaan cara langsung dan 1973 di bawah Kepala 14, Pecahan-kepala 8 ditambah dengan \$5,100,000 untuk perbelanjaan cara langsung dan Pecahan-kepala 20 dengan \$1,700,000 untuk perbelanjaan pinjaman.

Tambahan peruntukan tanda \$10 bagi Anggaran Pembangunan 1972 diperlukan di bawah Pecahan-kepala 8 iaitu Lembaga Kemajuan Haiwan Negara untuk mengganti peruntukan tanda \$10 yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka bagi mewujudkan Pecahan-kepala baru itu, manakala \$149,990 telah diperolehi secara pindah peruntukan. Kedua-duanya berjumlah \$150,000 yang dikehendaki sebagai bantuan pelancaran membiayai perbelanjaan mengurus Lembaga itu yang ditubuhkan dalam bulan Mei, 1972 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1972.

Tambahan peruntukan cara langsung sebanyak \$1 juta bagi Anggaran Pembangunan, 1973 timbul di bawah Pecahan-kepala 8 yang bertajuk Lembaga Kemajuan Ternakan Negara setelah tajuk Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara dipinda oleh Dewan Rakyat dalam mesyuarat yang lalu. Pecahan-kepala ini tidak dimasukkan dalam Anggaran Pembangunan, 1973 pada pertamanya dan telah diwujudkan kemudian dengan mendahulukan peruntukan tanda \$10 daripada Simpanan Luar Jangka. Oleh kerana aktiviti Lembaga ini setelah berjalan dengan pesatnyanya dalam tahun 1973, maka bantuan selanjutnya sebanyak \$1 juta adalah dikehendaki untuk Belanja Mengurus yang selebihnya daripada \$150,000 yang telah diberikan dalam tahun 1972. Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan \$1 juta dan meminda peruntukan bantuan

pelancaran membiayai perbelanjaan mengurus Pecahan-kepala ini dari \$150,000 kepada \$1,150,000. Tambahan peruntukan cara langsung sebanyak \$4,100,000 adalah dikehendaki di bawah Pecahan-kepala 8 juga dalam Anggaran Pembangunan, 1973 untuk membiayai bayaran kontrek dan harga kelengkapan Komplek Pusat Penyembelihan di Shah Alam dan juga Pusat Pembahagian Daging di Senawang yang telah diperuntukan \$12,600,000 di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua. Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$4,100,000 yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka.

Sebanyak \$1,700,000 perlu sekarang sebagai pinjaman kepada Persatuan Peladang Kebangsaan di bawah Pecahan-kepala 20 Anggaran Pembangunan, 1973 iaitu sebahagian daripada jumlah pinjaman \$4,200,000 yang telah dibenarkan oleh Kerajaan. Dalam pinjaman \$1,700,000 itu sebanyak \$1 juta akan membiayai keperluan-keperluan modal untuk perniagaan Persatuan-persatuan Peladang dan \$700,000 diberi sebagai modal pusingan khas Persatuan Peladang Kebangsaan menjalankan perniagaannya. Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$1,700,000 yang mana telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, bolehkah saya minta satu permintaan untuk menyebutkan Kertas Perintah dan subject dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen? We could not follow. Can he kindly let us know the Command Paper.

Tuan Pengerusi: Sekarang ada dua jenis Kepala: B satu, P satu. Bila disebutkan P atau B dengan Anggaran-anggarannya, mestilah ada Kertas-kertas Perintahnya sekali.

Tuan Lim Kit Siang: Itu saya tahu, oleh kerana kita ada 4 Kertas Perintah di hadapan kita. The Treasury Memorandum is very confusing. He can help us by letting us know the Paper number, he can guide us in our deliberations.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Yang pertamanya Kertas Perintah 16 tahun 1973, dan yang kedua Kertas Perintah 20 tahun 1973.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I refer to Kepala P. 13, Lampiran "A", Kertas Perintah 16/73, where we are asked to vote a sum of \$10—I believe it is just a token sum—for the National Animal Industries Development Board.

Tuan Pengerusi, Malaysia imports a lot of its meat from abroad and the prices of meat of late have been going up and housewives find great difficulty in paying the prices that are being demanded these days for beef, mutton and other meats.

Tuan Pengerusi, the Government should take more vigorous steps in developing animal industries in this country. I understand, Tuan Pengerusi, that the MARDI Dairy Project at Kluang is a project which when fully developed is supposed to occupy 10,000 acres. However, after nearly two years, work has only been carried out on about 1,000 acres and after this period of time there is no cattle yet within that project. There was supposed to be cattle by now, but so far after a period of nearly two years no cattle is there. What has happened? Work, I understand, has also stopped. Huge tractors which the Government or MARDI has acquired for the project seem to be lying idly there, for the simple reason that no qualified tractor drivers have been available.

Tuan Pengerusi, if we hope to keep the prices of meat from going up it is absolutely necessary that we develop our own animal industry. But we cannot afford to have instances like this Kluang project where huge sums of money have been expended but for some administrative reason or other the whole project comes to a halt. This is bad management and I hope that the Government would have more sense of urgency. As the years go by Malaysians will be consuming more and more meat and we will have to import more and more meat and the prices will go up if we in the meantime do not produce meat in this country in greater quantities. I therefore call upon the Government to be more serious and to have a sense of urgency in trying to develop our dairy and animal industries.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya bercakap Kepala P. 14, Kementerian Pertanian dan Perikanan Pecahan-kepala 20—Kemudahan-kemudahan Persatuan Peladang.

Tuan Pengerusi: Kepala berapa?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Kepala P. 14.

Tuan Pengerusi: Tidak ada termasuk, nanti dahulu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Kemudahan kepada Persatuan Peladang, Tuan Pengerusi, tadi telah dibangkitkan.

Tuan Pengerusi: Tidak usah pegang Kepala P. 14, itu belum lagi masuk. Cuba terangkan lagi sekali yang ditanya tadi soal itu menyentuh Kepala-kepala berapa tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat kata Kepala P. 13 tetapi tidak menyebut Kepala P. 14.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Kepala P. 14—Persatuan Peladang.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Kalau Persatuan Peladang termasuk di sini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tadi tidak disebutkan.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Ada dalam Anggaran.

Tuan Pengerusi: Jadi kalau begitu yang dibahaskan ini Kepala P. 13.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Kepala P. 13 dalam Kertas Perintah 16 tahun 1973 dan Kepala P. 14 dalam Kertas Perintah 20 tahun 1973.

Tuan Pengerusi: Cuba terangkan lagi sekali. Tadi disentuh Kepala P. 13 sahaja, tidak sebut Kepala P. 14.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: P. 14 peruntukannya termasuk di sini.

Tuan Pengerusi: Jadi kalau begitu yang dibahaskan ini Kepala P. 13 dan P. 14 sekarang boleh capak.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Terima kasih. Dalam masalah Persatuan Peladang ini diminta peruntukan sebanyak \$1,700,000 cuma yang saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengawasi benar-benar peruntukan dan kemudahan yang kita akan beri kepada Persatuan peladang ini supaya jangan diambil kesempatan oleh golongan yang lain yang menggunakan nama Peladang. Tujuan kita

memberikan kemudahan itu, Tuan Pengerusi, dengan tujuan supaya peladang yang miskin itu dapat mengubah taraf hidupnya kepada keadaan yang baik, tetapi malangnya satu saya contohkan, Tuan Pengerusi, suatu benih diberi oleh persatuan peladang kawasan berhubung dengan benih nilam tetapi malangnya perusahaan menanam nilam ini bukan diusahakan oleh peladang tetapi oleh orang tengah yang menganjurkan supaya peladang menanam nilam dan nilam ini dia dikuasai penuh oleh orang tengah itu. Jadi saya mengharapkan Kementerian ini supaya mengawasi benar-benar dalam masaalah ini terutama sekali, Tuan Pengerusi, dalam masaalah baja yang baik mutunya, racun, dan kemudahan yang lain. Kadangkala peladang hendak mengambil barang ini tak ada sebab pantas sangat habisnya.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam peladang ini juga pernah pengurus besar satu-satu kawasan membuat janji-janji kepada peladang kita bahawa benih akan diberi dan satu peruntukan akan diberikan kepada rancangan ini umpamanya benih lada hitam, bajaklah tanah, dirikanlah tiang. Tetapi malangnya sampai dua tahun, Tuan Pengerusi, benih yang dijanjikan tak sampai kepada persatuan peladang. Jadi perkara yang semacam ini patut diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Akhirnya, dengan ringkas saya hendak katakan oleh sebab Kementerian ini disebut Kementerian Perikanan, saya hendak sentuh suatu perkara yang mustahak sangat pada negara kita, iaitu supaya Menteri ini memandang berat terhadap langkah yang diambil oleh Perusahaan Pukat Tunda Semenanjung Malaysia yang telah melancarkan gerakan tidak mahu turun ke laut sejak 6 hari berpunca daripada tindakan mahkamah merampas sebuah pukat tunda. Jadi perkara yang semacam ini, Tuan Pengerusi, akan melibatkan ramai rakyat negeri ini tak dapat ikan dan seolah-olah orang ini melawan tindakan mahkamah yang diputuskan oleh Kerajaan. Jadi saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian berat dalam masaalah ini jangan perkara ini dibuat dengan diperingan-ringankan.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur): Tuan Pengerusi, saya hendak cakap sedikit di bawah Kertas Perintah No. 16, Kepala P. 13 dan Kertas Perintah No. 20, Kepala P. 14

dan di sini saya minta izin hendak bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, I am glad to know that the Government is paying particular attention to the development of animal industries and also to the development of livestock. While I would like to congratulate the Government for taking steps to make sure that there is enough meat, especially from cattle, I think the Government is neglecting the more established industries like poultry farming and pig farming.

Mr Chairman, Sir, I have received many complaints from small-time pig rearers that they are going through a very hard time, because the price of animal feed has gone up and they find it difficult to make ends meet or to make a small margin of profit. Therefore, I put it to the Minister concerned to look carefully into the question of subsidising small-time pig farmers to help them to tide over the difficult period especially in this time when animal feed is so expensive and either organise them on a national scale to help them along or form an association, so that they can probably put forward some recommendations to the Government on how to assist them. But probably the best measure at this juncture is for the Government to subsidise these pig farmers and give them a small subsidy to tide them over so that they can make a reasonable profit for themselves and to make ends meet.

The other thing, Mr Chairman, Sir, is the question of poultry farming which, I think, is also established in this country largely through the initiative on the part of the private sector or people who are prepared to take risks. I think Government also should be prepared to help these people more and make poultry farming a really big-time industry, so that our factories can not only produce poultry meat for Malaysia itself but also can export poultry meat. They can do this probably better, again, if we were to encourage not only big-time poultry rearers but also small-time poultry rearers. I hear that the complaint generally is that the officials in the Department concerned, i.e. Jabatan Haiwan, are not very helpful in the matter of giving protective vaccination to poultry. Sometimes these people find great difficulty in contacting the officials concerned to give protective vaccine to their chickens. I, therefore, urge that the Government should look

into this matter carefully and should organise small-time poultry farmers, so that they can also contribute not only for the benefit of themselves but also to the benefit of the nation as a whole.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Tambahan Kementerian Pertanian dan Perikanan.

Yang pertama sekali saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara saya ucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan Yang Berhormat itu. Beliau agak bimbang sedikit oleh kerana di masa yang lampau Malaysia banyak mengimpot daging daripada luar negeri dan beliau juga ada menyebutkan bahawa MARDI tidak begitu giat di dalam bahagian ternakan ini. Sebenarnya MARDI ini adalah satu Perbadanan yang bertugas untuk menjalankan penyiasatan sahaja, bukan untuk membuat perusahaan. Oleh itu, dengan adanya Parlimen telah meluluskan satu Akta Lembaga Perusahaan Ternakan Negara, maka Lembaga inilah yang akan menjalankan tugas bagi membuat rancangan ternakan secara besar-besaran. Sebagaimana yang saya terangkan semalam, saya ada sebutkan ada 7 rancangan yang akan dijalankan oleh Lembaga ini, yakni sukalah saya terangkan di sini:

- (1) Rancangan Daging-tenusu Ulu Behrang, Perak.
- (2) Rancangan Daging-tenusu Jelai, Gemas.
- (3) Rancangan Daging-tenusu Persat, Ulu Trengganu.
- (4) Rancangan Daging-tenusu Padang Hijau, Johor.
- (5) Rancangan Daging-tenusu Bukit Peninjau, Sarawak.
- (6) Rancangan Daging-tenusu Bukit Keratong, Pahang Tenggara.
- (7) Rancangan Daging-tenusu dan Pusat Latihan Ayer Hitam, Johor.

Inilah merupakan rancangan besar-besaran yang akan dibuat oleh Lembaga ini bagi membiakkan lagi jenis lembu-lembu yang baik yakni lembu kacukan di seluruh negara bagi mengelakkan kekurangan daging bagi keperluan negara. Dan seterusnya, saya suka menjawab pula teguran daripada saha-

bat saya dari Muar Utara berkenaan Pusat Peladang supaya mengambil berat dalam soal benih nilam. Agak saya nilam ini yang ada hanya di Johor sahaja, saya sendiri pun belum dapat melihat rupa pokok nilam ini dan daripada segi ekonomi dan keuntungan kepada peladang-peladang. Saya sendiri belum mendapat tahu. Oleh kerana itu, saya akan berhubung dengan Pengarah Pertanian di Johor berkenaan dengan soal benih nilam ini.

Dan yang kedua beliau merasa tidak begitu puas hati kerana benih lada hitam tidak didapati daripada peladang-peladang di sana. Ini saya fikir boleh kita atasi, cuma barangkali hubungannya sahaja yang tidak begitu rapat di antara pegawai-pegawai dengan peladang-peladang di sana.

Dan ketiga beliau telah masuk sedikit dalam soal pukut tunda yang dirampas beliau berasa dukacita. Sebenarnya masaalah pukut tunda yang dirampas itu tentulah ada kesalahan-kesalahan yang agak besar yang terpaksa pihak Mahkamah memutuskan supaya pukut tunda ini dirampas. Kalau kesalahan-kesalahan yang kecil ada juga hukuman compaund dan denda serendah-rendahnya, tetapi barangkali pukut tunda ini sudah terlampau sangat kesalahannya dan ada juga kejadian soal pergaduhan di antara nelayan pantai dengan nelayan pukut tunda sebagaimana Yang Berhormat sendiri faham selalu terjadi disiarkan dalam suratkhbar kadang-kadang ada banyak juga yang telah menghilangkan jiwa disebabkan kejadian ini. Kalau sekiranya Kementerian ini mengambil tindakan satu-satu perkara yang tegas, saya harap mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur meminta supaya dapat subsidi bagi makanan babi. Ini agak saya perkara ini susah sedikit kita hendak timbangkan sebab apabila subsidi kepada makanan ini, maka kita akan memberi subsidi kepada kesemuanya. Soal kenaikan harga bahan-bahan makanan ternakan ini adalah meliputi kepada semua bahagian oleh kerana negara kita banyak kekurangan jenis-jenis yang diperlukan untuk campuran bahan-bahan makanan ternakan, ini bukan sahaja daripada makanan ternakan jenis ini, tetapi juga daripada ayam itek juga telah mula naik. Oleh kerana itu, saya fikir ternakan jenis ini ada lebih senang lagi, kalau difikirkan jangka makanannya daripada lain-lain jenis ternakan.

Beliau juga ada menerangkan bahawa pegawai-pegawai haiwan susah dihubungi. Saya percaya kalau Yang Berhormat ini dapat memberi pertolongan kepada penternak-penternak ini, saya percaya pegawai-pegawai ini akan dapat memberi khidmat yang baik. Sepanjang yang saya ketahui pegawai-pegawai haiwan ini adalah sentiasa mempunyai hubungan yang rapat dengan penternak-penternak ini walaupun di mana ada mereka sedang menjalankan ternakan, cuma hanya barangkali hubungan sahaja tidak begitu rapat elok juga kalau dapat Ahli Yang Berhormat itu mengambil berat di atas kesusahan kepada pengundi-pengundinya di dalam mendapatkan nasihat dan juga pertolongan untuk mendapat suntikan dan sebagainya.

Saya rasa itulah sahaja jawapan yang dapat saya berikan, dan saya ucapkan terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 13 (1972) dan wang sebanyak \$3,600,000 untuk Kepala P. 14 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan), 1973.

Kepala B. 14—

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Pengerusi, saya bangun mengusulkan supaya Kepala B. 14 Pecahan-kepala 4100 di dalam Anggaran Perbelanjaan menguruskan tambahan yang ketiga tahun 1972. Kepala P. 14 Pecahan-kepala 3 di dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan), 1972 dan P. 16 Pecahan-kepala 13, Pecahan-kepala 15 dan Pecahan-kepala 23 di dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1973 diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Anggaran-anggaran di bawah Kepala yang dinyatakan tadi adalah seperti berikut:

- I. *Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1972 Kepala B. 14—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Pecahan-kepala 4100—Pemberian, subsidi dan carum-carum: (ii) Perbadanan Kemajuan Pelancungan*

Peruntukan dalam Anggaran—tiada.

Peruntukan tambahan yang dikehendaki \$695,000. Tambahan peruntukan sebanyak \$695,000 ini adalah dipohonkan sebagai

Belanja Mengurus untuk melancarkan Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia dalam tahun 1972. Perbadanan Kemajuan Pelancungan telah mengambil alih tugas-tugas Bahagian Pelancungan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di dalam bidang menggalakkan perusahaan pelancungan. Peruntukan sebanyak \$695,000 ini adalah merupakan tambahan kepada peruntukan yang diwarisi oleh perbadanan itu dari bahagian pelancungan untuk menampung segala perbelanjaan-perbelanjaan mengurus Perbadanan tersebut sehingga akhir tahun 1972.

- II. *Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1972 Kepala P. 14, Pecahan-kepala 3—Kawasan-kawasan Perusahaan: Peruntukan dalam Anggaran \$10 Peruntukan tambahan yang dikehendaki \$3,600,010.*

Tambahan telah diberikan pinjaman wang sebanyak \$10 juta kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membangunkan kawasan perindustrian di Bagan Serai, Pulau Pinang. Sehingga tahun 1970 Kerajaan telahpun memberikan pinjaman sebanyak \$6.4 juta dan bakinya sebanyak \$3.6 juta itu adalah sekarang yang dikehendaki sebagai ansuran pinjaman terakhir bagi projek tersebut mengikut jadual pengeluaran yang telah dipinda. Saya mohon supaya Dewan dapat meluluskan peruntukan sebanyak \$3.6 juta yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan meminda anggaran pecahan-kepala ini daripada \$4.4 juta dengan \$5.2 juta.

- III. *Anggaran Perbelanjaan (Tambahan) (Bil. 1), 1973 Kepala P. 16, Pecahan-kepala 13—Syarikat Malaysia Explosives Sendirian Berhad.*

Peruntukan dalam anggaran \$10.

Peruntukan tambahan yang dikehendaki \$2,232,000.

Syarikat Malaysia Explosive Sendirian Berhad adalah satu projek kilang peluru bersama antara Kerajaan dengan kalangan swasta. Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan untuk membeli \$2.4 juta saham tiap-tiap satu saham berharga \$1.00 yang dipunyai oleh kalangan swasta dengan harga 93 sen bagi satu saham. Oleh kerana itu, peruntukan sebanyak \$2,232,000 adalah dikehendaki sebagai

peruntukan tambahan yang mana peruntukan sebanyak \$1,395,000 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka. Kelulusan Dewan untuk meminda harga anggaran pecahan-kepala ini daripada \$2.7 juta kepada \$4,932,000 adalah juga dipohonkan.

IV. Pecahan-kepala 51—Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia Berhad.

Peruntukan dalam anggaran ini tidak ada.

Peruntukan tambahan dikehendaki ialah \$75,000.

Kerajaan telah memberi pinjaman sebanyak \$1 juta kepada Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia Berhad yang mana \$900,000 telahpun dijelaskan sehingga ini. Mengikut perjanjian pinjaman yang dibuat peruntukan sebanyak \$75,000 adalah dikehendaki untuk membolehkan syarikat tersebut membayar gaji kepada kakitangan-kakitangan di Kota Bharu dan Kuala Trengganu.

V. Pecahan-kepala 23—Mengubah dan Menghias semula Kawasan Pameran Malaysia di Institute Komanwel, London.

Peruntukan dalam anggaran tidak ada.

Peruntukan tambahan yang dikehendaki ialah \$158,530.

Peruntukan sebanyak \$160,000 telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1972 bagi Mengubah dan Menghias Kawasan Pameran Malaysia di Institute Komanwel, London. Tetapi cuma \$1,440 sahaja yang telah dibelanjakan pada tahun 1972. Projek ini di jangka siap pada tahun 1973 ini dan peruntukan sebanyak \$158,530 adalah dipohonkan untuk membiayai projek ini sehingga siap.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja penjelasan saya dan saya mohon supaya kelulusan diberikan kepada peruntukan-peruntukan tambahan bagi Pecahan-kepala yang telah saya nyatakan tadi.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai Kepala P. 16, Pecahan-kepala 23 iaitu Mengubah dan Menghias semula Kawasan Pameran Malaysia di Institute Komanwel, London.

Saya mengalu-alukan di atas peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini untuk membaiki dan mengubah serta menghias

bagi mencantikkan kawasan ini, cuma saya suka mengingatkan kepada Kementerian yang berkenaan dari maklumat yang saya terima dan saya lihat sendiri bahawa kawasan ini memanglah cantik dan anggaran yang hendak dihiaskan pun memanglah sesuai, cuma kakitangan dan pegawai-pegawai yang bertugas di tempat ini hanya sedikit, sebilangan kecil sahaja yang menggunakan rakyat Malaysia, sebahagian besarnya adalah menggunakan rakyat asing.

Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya mengkaji perkara ini dengan semasak-masak bagi mencapai tujuan yang sebenarnya diadakan pameran di tempat ini, kerana apa yang saya dapat faham selagi kita menggunakan pegawai terdiri daripada rakyat asing untuk membantu Malaysia di pameran ini maka selama itulah kemajuan yang kita harap-harapkan tidak akan tercapai di tempat ini dan saya harap mendapat jaminan daripada Menteri yang berkenaan bahawa dari semasa ke semasa akan ditambahkan dan diambil ganti pegawai-pegawai dagang itu dengan anak-anak negeri ini.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): *(Dengan izin)* I refer to Head P. 14, Subhead 3—Industrial Estates. Tuan Pengerusi, funds are being provided by the Federal Government for the setting up of industrial estates all over the country, especially in the State of Penang.

It is all very well and good to develop industrial estates because we realise that if we are to solve our unemployment problem we must have industries set up in the country, and to attract investors to set up their factories, industrial estates must be set up with proper infrastructure. So funds are required and therefore the Federal Government supplies these funds. But very often, Tuan Pengerusi, land being a State matter, State Governments tend to take rather drastic action to provide the land that is required for the industrial estates. Where the land that is required for the development of industrial estates is vacant land or empty land it does not cause hardship except perhaps where the land is being acquired from a landlord or a private owner. But where the land that is needed for an industrial estate is heavily populated situations can arise where injustice is committed by the State against people who live there, as has happened in the State of Penang.

The Government encourages industrialisation for what purpose? To provide jobs for the people and to improve the living conditions of the masses of the rakyat, but in the process of creating conditions where jobs can be created, we already cause hardship if those responsible for creating the industrial estates are heartless or are insensitive to the problems of the people who live in those areas which are required for the industrial estates. Thousands of people live in these areas and they have lived there for generations perhaps. They have built their houses there with their hard-earned money. Therefore, if they are to be moved out to make way for the industrial estates they should be fairly and properly compensated for the homes they have to lose, and I would say that in many cases the manner in which they have been making their livelihood may have to change. The land they have been occupying usually would be farmland where they plant some vegetables—where they do market gardening or rear chickens and fowls for the local market. They will have to vacate their homes and their little plots of land. Their means of livelihood is gone. They have to go to somewhere else, live in flats perhaps, or rent houses. So, therefore, Tuan Pengerusi, I hope the Government when acquiring land for industrial estates would take into consideration the difficulties of those who are being evicted and not use the law which permits Government to evacuate people by using the letter of the law without any feeling whatsoever for the difficulties of these poor people. And where actions are being taken by State Governments which are not very generous or very sensitive and harsh and hard methods are used, I hope that the Ministry of Trade and Industry would use its influence to prevail upon State Governments to be more considerate. I hope that the Ministry of Trade and Industry would prevail itself upon the State Government of Penang especially to compensate those who are being evicted from the Bayan Lepas area and to be more considerate and give some compensation that is reasonable so that those who are evicted do not, in fact, lose by the progress that takes place.

Tuan Musa Hitam: Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah sudi membuat teguran-teguran berkenaan

dengan Anggaran Perbelanjaan yang saya pohon di dalam mesyuarat kita pada hari ini.

Yang pertama sekali berhubung dengan hujjah yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut ini, saya sukalah menyatakan bahawa sebenarnya Instituit Komanwel ini ialah satu instituit yang bersendirian atau pun yang tidak ada hubungan dengan Kerajaan kita. Instituit ini memberi peluang sahaja kepada Kerajaan kita membuat pameran-pameran oleh sebab begitu banyak pameran dari serata dunia Komanwel yang datang ke London dan memberi peluang kepada kita menunjukkan kemajuan-kemajuan dan keadaan yang ada di dalam negara kita pada masa ini. Sebetulnya pameran yang ada pada masa sekarang ini sudah 10 tahun umurnya. Inilah sebab kita berkehendakkan perbelanjaan baharu supaya pameran-pameran ini akan dapat ditukarkan mengikut kenyataan aliran kemajuan yang dicapai di dalam negara kita ini.

Soal pengambilan pekerja-pekerja daripada warganegara kita tidaklah timbul oleh sebab apa-apa juga tugas yang dikehendaki oleh instituit ini ialah dibawa melalui daripada Pesuruhjaya Tinggi kita di London sendiri.

Perkara yang kedua yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara ini, saya sukalah menyatakan bahawa saya memang bersetuju bahawa kuasa untuk menentukan dimanakah duduknya sesuatu industrial estate ataupun kawasan perindustrian itu ialah kuasa Kerajaan Negeri. Apa-apa hujjah yang dikemukakan olehnya akan saya sampaikan kepada Kerajaan Negeri bila mana yang saya fikirkan patut dan saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat sendiri pun dalam partinya ada wakil di dalam Kerajaan yang disebutkan oleh mereka dan tentulah perkara ini akan boleh dapat dibawa oleh mereka sendiri di dalam Kerajaan Negeri yang disebutkan olehnya tadi. Tetapi dalam perkara ini saya sukalah menegaskan pada keseluruhannya bukanlah tujuan Kerajaan untuk memberi penderitaan kepada rakyat jelata di mana-mana juga hendak didirikan kawasan perindustrian.

Saya percaya bahawa satu daripada tujuan Kerajaan membuat sesuatu kawasan perindustrian itu ialah untuk kepentingan rakyat, terutama sekali dari segi memberi pekerjaan. Jadi kalaulah misalnya seorang penduduk di

dalam satu-satu kawasan itu terpaksa keluar, saya percaya yang pertama sekali bahawa seseorang yang terkeluar dan disuruh keluar itu akan diberi compensation yang difikirkan patut oleh Kerajaan Negeri itu sendiri dan yang kedua bahawa setelah sesuatu industri datang ke kawasan perindustrian itu, maka dapatlah mereka-mereka yang duduk di sekeliling kawasan itu kerja hasil daripada perindustrian yang telah datang di dalam kawasan perindustrian itu. Dan dari segi ini saya juga menyatakan bahawa pada keseluruhannya Kerajaan sedang mencuba sedaya-upaya untuk membawa industri-industri bukan sahaja di kawasan-kawasan yang terlampau ramai penduduk-penduduknya di mana sudah begitu lama penduduk-penduduk diam dalam kawasan itu, tetapi Kerajaan menggalakkan industri-industri baharu pergi ke kawasan-kawasan yang masih belum lagi dapat menikmati dasar perindustrian kita seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam Parlimen ini beberapa bulan dahulu, kita sudahpun meluluskan satu undang-undang di mana kita telah memberi galakan kepada industri-industri baharu keluar daripada kawasan yang sudahpun maju. Sekianlah sahaja, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan setujukan.

Wang sebanyak \$695,000 untuk Kepala B. 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan \$1,700,000 untuk Kepala P.14 dan \$75,000 untuk Kepala P. 16 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) 1973.

Kepala B. 18, B. 20 dan P. 18—

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kepala B.18 dan Kepala B.20 dalam Rang Undang-undang ini dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) Kepala P.18 dalam Kertas Perintah 15 Tahun 1973 untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, saya tidak bertujuan hendak bercakap panjang sebab-sebab permohonan tambahan itu adalah di dalam Kertas-kertas Perintah yang berkenaan. Dalam Kertas Perintah 14 berkenaan dengan permohonan \$195 juta yang dikehendaki kerana hendak membiayai bayaran tunggakan gaji guru-guru dan di dalam Kertas

Perintah 18 berkenaan \$2 juta kerana membayar pembayaran tetap kepada RECSAM dan dalam Kepala B. 18 itu ialah permohonan \$10 kerana Institiut Teknologi yang ada di dalam Kertas Perintah 16.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris. I refer, Sir, kepada Kertas Perintah 14, Kepala B.18—Kementerian Pelajaran di mana permintaan tambahan sebanyak \$195 juta untuk membiayai bayaran tunggakan dan gaji guru-guru berikutan dengan pelaksanaan Sekim Gaji Aziz untuk sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, one of the most disturbing features in the primary and secondary schools today is the teaching of integrated science and modern mathematics. A lot of teachers for whom we are making provisions, for paying them arrears, are actually unable to teach these two subjects in the new way, causing a lot of our children to be befuddled and bewildered. As a parent of school-going children, I must confess that when my children come back from school and ask for assistance in integrated science and modern mathematics, although they are in higher primary and lower secondary level, I am unable to help them because

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Pengerusi, saya hendak memberi penjelasan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat. Saya tidak nampak ada berkaitan masalah integrated science dengan permohonan saya kerana hendak membayar tunggakan gaji guru-guru yang \$195 juta itu dan yang lain-lain berkenaan dengan Institiut Teknologi Mara dan begitu juga yang \$2 juta itu RECSAM, samada molik ataupun patut Ahli Yang Berhormat itu menyentuh satu perkara yang tak berkaitan dengan permohonan saya itu.

Tuan Pengerusi: Saya benarkan Ahli Yang Berhormat menyentuh sedikit berkenaan dengan perkara gaji guru-guru oleh sebab guru itu mengajar. Bolehlah sentuh dengan cara amnya di atas perkara itu—jadi the policy of the service. Kita hendak dapatkan duit ini kerana hendak bayar gaji guru, jadi bolehlah Ahli Yang Berhormat sentuh sedikit berkenaan dengan pelajaran tetapi tidaklah dengan mendalamnya, jangan detail sangat—secara am sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya tidak akan bercakap terlampau detail dalam perkara ini oleh kerana perkara itu berkaitan dengan guru-guru kita dan guru-guru kita many of them are not efficient. Many of them are not efficient in teaching these subjects which is probably only natural because they themselves, in their own primary and secondary education, underwent the old science and mathematics education and a most confused stage has been created whereby our children are puzzled and bewildered and they cannot find assistance either in school from their teachers or from their parents at home. I hope this matter can get the serious attention of the Ministry of Education because leaving aside for the moment the merits or demerits of integrated science and modern mathematics, their introduction must be in such a co-ordinated manner whereby our children do not suffer from a premature, ill-considered implementation. This is important because it is bound to affect their future education in the higher secondary level and also at university level. Let us not produce a whole generation of children who, because of their confusion in integrated science and modern mathematics arising from the education system, are completely unable to cope with the challenges of tomorrow.

Another point, Tuan Pengerusi, arising from this is that when the Honourable Parliamentary Secretary replied to the points we referred to, I am afraid a number of points were left unreplyed and I hope, since the Honourable Minister is here, he will be able to give us clarifications; for instance, the point I raised on the Kampung Bercham Primary School to which a principal who does not know Chinese was sent, and I hope the Honourable Minister can let us have a clear statement. It is not good enough to say that the school board of management can appeal under the Education (Amendment) Act against such a transfer. We would like to have an assurance that this thing would not happen because appeals can get lost in the pigeon-holes of the Ministry of Education and this is causing considerable concern amongst all Chinese Schools and Chinese parents. I think it is only right that the Honourable Minister takes this opportunity to set the matter right.

Finally, Sir on the matter of the inquiry by the Cambridge Examination Syndicate on last year's M.C.E. Examination results which

the Parliamentary Secretary also left unanswered

Tuan Pengerusi: Ini tidak sangkut dengan perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: I hope the Honourable Minister can also reply to that point. Thank you.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Under the Second Malaysia Plan, a sum of \$123,200 was earmarked for building a school at Sungai Pari Road, Ipoh, after the demolition of the old school building.

Tuan Pengerusi: Kepala berapa ini, Yang Berhormat?

Tuan R. C. M. Rayan: I just want to know whether the sum asked for includes the amount

Tuan Pengerusi: Which sum?

Tuan R. C. M. Rayan: Under B. 18.

Tuan Pengerusi: B. 18 fasal gaji sahaja, bukan untuk mendiri sekolah.

Tuan R. C. M. Rayan: Under the Ministry of Education.

Tuan Pengerusi: Sebab ini kita dalam Committee berkenaan Kepala ini—polisi service yang kita minta duit sahaja. Have you got anything more to speak.

Tuan R. C. M. Rayan: I just want to know whether the sum here covers the cost of putting up a building at Sungai Pari Road, Ipoh, costing \$123,200 which was earmarked under the Second Malaysia Plan in 1971.

Tuan Pengerusi: No. As far as I can see this request for \$195 million is in order to implement the salaries awarded under the Aziz Commission Report. It has nothing to do with any building programme.

Tuan R. C. M. Rayan: Thank you, Sir.

Awang Bungsu bin Abdullah (Limbang-Lawas): Tuan Pengerusi, saya mengambil sedikit peluang untuk memberi perhatian berkenaan Kepala B. 18—Kementerian Pelajaran dan Kertas Perintah 14, No. 18 Pecahan-kepala 4100, (3) (a) dan (b).

Tuan Pengerusi, saya berharap tambahan \$195 juta ini akan memberi kemudahan yang cepat kepada guru-guru di Sarawak yang akan menerima gaji dan arrears. Gaji menurut

syarat-syarat teachers' scale di Sarawak dan saya berharap Kerajaan Pusat memberi bantuan di Sarawak supaya mengadakan tempat dan mengambil guru-guru yang boleh mengajar sains.

Tuan Pengerusi, di Sarawak pada masa sekarang sangat kekurangan sekolah-sekolah menengah yang mempunyai darjah Tingkatan VI. Dari itu saya minta kepada Kerajaan untuk membuatkan pelajaran Tingkatan VI dan murid-murid di Sarawak diberi peluang melanjutkan pelajaran mereka masing-masing dalam daerah mereka sendiri misalnya Bahagian Kelima, Sarawak. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menimbangkan supaya mengadakan Tingkat VI di Daerah Limbang.

Tuan Pengerusi, berkenaan sekolah rendah, saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengadakan tindakan untuk memperbaiki lagi sekolah-sekolah rendah dan alat-alat dan tempat-tempat kediaman murid-murid yang tinggal di sekolah dan juga tempat kediaman guru-guru (teachers' quarters) mahulah dibuat dengan senang kepada guru-guru untuk kediaman mereka di masa akan datang. Di Sarawak pada masa ini kediaman rumah guru sangatlah menderita dan buruk sekali. Dari itulah saya berseru kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya mengambil langkah-langkah di dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya berharap juga kepada Kerajaan memberi bantuan kesihatan untuk murid-murid sekolah rendah di luar bandar akan diperbaiki lagi supaya murid-murid tidak akan ketinggalan di masa akan datang dalam pelajaran mereka masing-masing. Kalau Kerajaan akan mengambil tindakan yang berat di dalam cadangan-cadangan yang saya telah sebutkan tadi, saya tidak akan kawatir bidang pelajaran negara kita Malaysia akan maju dari semasa ke semasa.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan ini di bawah Kertas Perintah 14, Kepala B.18 .

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, the teaching profession as a whole in the country is one of the most confused groups that I have ever known, not because these teachers are incapable or inefficient, but because of the number of many changes which the Ministry continues to labour them with.

The other day my Honourable colleague for Bandar Melaka had shown by producing a paper which contains a reply from the Ministry showing in detail the very high number of failures in the Assessment Examination for Bahasa Malaysia, for science, for mathematics and other subjects. This shows, Tuan Pengerusi, that there is something seriously wrong with the teaching profession and as I said, it is not so much with the teachers themselves as it is with the curriculum and probably with over-loading and with the changes made every now and then.

My colleague just now has said that this question of integrated science and modern mathematics has also confused not only the teachers but students as well and parents also. I would say that whilst we are trying to grasp the fundamentals of education for our children, trying to improve the standard of education in this country, trying to ensure that most of our children pass and do not fail and become drop-outs, I think we should concentrate more on the fundamentals, the more basic things, on how to teach our children. If we can make them master ordinary mathematics, why take the trouble to change the whole system to modern mathematics, when they have not even mastered the ordinary mathematics? When they find it difficult to master the usual type of science, the old science—when even developed countries find it so controversial and it may not be to the good of the children themselves. If I am not wrong, I think also in the question of Bahasa Malaysia, whilst we are trying to make everyone to be fluent in Bahasa Malaysia, especially our school children, I would say that unless the teachers themselves are fluent and possess a good command of the language themselves it will be difficult to convey the same type of knowledge of the language to the students. Therefore, I would say that there must be a serious re-assessment of the way teachers are taught Bahasa Malaysia and not to put them through a "crash programme" for a few weeks or a few months when they come back, hoping that they would excel in teaching Bahasa Malaysia to our children in primary or secondary schools. As the results have shown so far, the results have not been very heartening, and therefore the method of teaching our teachers will have to be re-examined in the hope of finding a system of teaching and educating our teachers in Bahasa Malaysia quickly and fluently.

Tuan Pengerusi, lastly, I would hope that in view of the fact, as has been made known by several Members of this House, that students in residential schools have done particularly well in examinations, it might be worthwhile studying the matter of establishing more residential schools, especially in the rural areas, so that children of all races, whether they are children of rubber tappers, children of farmers or children of pig rearers, whoever they may be, can enjoy the facilities, the modern amenities that are available in residential schools such as good food and the discipline which are available in residential schools.

Datuk Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan ini, di samping itu izinkan saya memberi sedikit pendapat berkenaan dengan Kepala B. 18 di bawah Kementerian Pelajaran di mana peruntukan tambahan sebanyak \$195 juta telah diminta untuk membayar gaji tambahan kepada guru-guru. Dengan sebab itu benarkan saya juga untuk memberi sedikit pendapat saya berkenaan dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan guru-guru. Sungguhpun pendapat saya ini ialah hasil daripada kajian-kajian yang telah dibuat di sekolah-sekolah luar bandar di Kelantan, akan tetapi saya percaya keadaan yang seperti itu juga terdapat di sekolah-sekolah ataupun guru-guru di sekolah-sekolah luar bandar di dalam Malaysia seterusnya.

Tuan Pengerusi, guru-guru memainkan peranan utama dalam mengatasi masalah keciciran. Bangunan-bangunan sekolah yang indah, kemudahan yang lengkap, pemberian biasiswa kepada murid-murid yang layak dan murid-murid yang cergas otaknya, tidak akan dapat menghasilkan apa-apa kesan yang positif tanpa guru-guru yang membimbing dan melahirkan suasana pelajaran yang effective. Dengan itu tugas Kementerian Pelajaran ialah untuk mengadakan guru-guru yang cukup di sekolah-sekolah dan mutu guru-guru itu mestilah diperbaiki dari segi peribadi, akedemik dan iktisas. Cara-cara mengatasi masalah kekurangan guru-guru di Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya. Buat masa ini, sekolah-sekolah rendah di Kelantan mengalami kekurangan guru yang terlatih seramai lebih kurang 500 orang dan sekolah-sekolah menengah lebih kurang 200 orang. Untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru

yang besar ini Kementerian Pelajaran hendaklah memberi peluang kepada calon-calon dari Kelantan dengan kelulusan minima untuk mendapat latihan perguruan di maktab-maktab perguruan di Malaysia. Dengan cara ini akan ramailah guru-guru pelatih dari Kelantan dan sudah pasti mereka akan rela berkhidmat di negeri mereka sendiri, selepas tamat latihan dan dengan itu tidaklah lagi akan menimbulkan masalah pertukaran keluar negeri seperti berlaku sekarang.

Yang kedua, sikap guru-guru. Kementerian Pelajaran hendaklah bergiat mengeluarkan risalah-risalah, mengadakan kempen untuk menyemaikan kesedaran kepada guru-guru supaya dengan itu akan lahir satu sikap yang positif untuk menyelesaikan masalah keciciran dan pembangunan negara. Jika perlu Bahagian Latihan Guru di Kementerian Pelajaran hendaklah membentuk sebuah yunit khas untuk menyedarkan guru-guru betapa pentingnya peranan mereka dalam proses membangunkan negara. Dengan menghapuskan masalah kekurangan guru sahaja tidak mencukupi untuk mengatasi keciciran jika guru-guru itu tidak diubah sikapnya supaya action dan development orientated.

Yang ketiga, Guru Besar. Pentadbiran sekolah adalah bergantung besar kepada Guru-guru Besar. Sikap setengah guru-guru besar menyebabkan kurang mendapat kerjasama dengan guru-guru dan masyarakat. Dengan itu kursus pentadbiran moden hendaklah diberikan kepada semua guru-guru besar dan penolong-penolong kanan. Di sini juga jika perlu Kementerian Pelajaran hendaklah membentuk sebuah yunit khas juga untuk mengurus kursus ini sepanjang masa, dan pegawai-pegawai yang terlatih di bidang education administration mestilah menganggotai yunit khas ini.

Kursus Diploma atau Ijazah Lanjutan (Post Graduate) untuk pensyarah Maktab Perguruan dan guru-guru di sekolah, Kementerian Pelajaran mestilah menyediakan banyak biasiswa untuk membolehkan pensyarah-pensyarah Maktab-maktab Perguruan, terutamanya mereka yang masih ada untuk melanjutkan pelajaran samada di dalam atau di luar negeri. Peluang yang sama hendaklah juga diberi kepada guru-guru sekolah yang berminat dan menunjukkan kebolehan.

Sekianlah sahaja teguran saya berkenaan dengan guru-guru, Tuan Pengerusi, dan saya harap Kementerian Pelajaran akan menitikberatkan kepada apa yang saya katakan ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebagaimana yang saya terangkan masalah yang di hadapan kita ialah berkenaan dengan permohonan tambahan belanja mengurus dan sebagainya dan menepati perkara-perkara yang tertentu. Kebanyakan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah disuarakan di Dewan ini dengan panjang lebarnya dan oleh kerana dia tidak menepati masalah yang di hadapan kita ini maka rasa saya tidaklah payah saya menjawabnya setakat ini.

Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya mengambil ingatan dan berbanyak terima kasih. Oleh Yang demikian itu, Tuan Pengerusi, saya mohon semula dengan mengemukakan bagaimana yang saya kemukakan tadi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$195,000,000 untuk Kepala B. 18 dan \$2,000,000 untuk Kepala B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual dan Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P.18 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (No. 4) Tahun 1972.

Kepala B. 15—

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan peruntukan di bawah Kepala B.15 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, Kerajaan telah bersetuju memberi sumbangan sebanyak \$3 bagi setiap \$1 yang diperolehi untuk Balai Seni Lukis Negara, peruntukan tambahan sebanyak \$22,635 adalah dikehendaki sebagai sumbangan Kerajaan oleh kerana Balai ini telah berjaya mendapatkan sumbangan daripada punca lain sebanyak \$7,545.00. Jumlah ini telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$22,635 untuk Kepala B.15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 61, P. 61 dan P. 15—

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Kepala B. 61 di bawah Rang Undang-undang dan P. 61 dan P. 15 yang telah dinyatakan di dalam Kertas Perintah menjadi sebahagian daripada Jadual dan daripada resolusi yang tersebut.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$120,000 untuk Kepala B. 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan \$10 untuk Kepala P. 61 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 4) 1972 dan \$2,000,000 untuk P. 15 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1). 1973.

Kepala B. 17—

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan supaya jumlah sebanyak \$112,210,164 di bawah Kepala B.17 Kementerian Pertahanan seperti mana dibentangkan di dalam Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran-anggaran Tambahan Ketiga untuk Anggaran Mengurus bagi tahun 1972 Kerajaan Malaysia diluluskan. Dalam mengemukakan Anggaran Tambahan Ketiga bagi tahun 1972 untuk Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pertahanan yang berjumlah \$112,210,164, sukacita saya menyatakan bahawa jumlah ini adalah diperlukan sebagai tambahan Kepala Pecen, Kepala Gaji dan Elaun (Personal Emolument) di bawah Kepala B.17 Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Laporan Sheikh Abdullah berkaitan dengan tangga-gaji Anggota Angkatan Tentera telahpun diterima pada pertengahan tahun 1972 dan berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari, 1970. Dengan terlaksananya Laporan ini maka adalah perlu dibuat pembayaran gaji dan elaun tunggakan kepada Anggota-anggota Angkatan Tentera Bersenjata Malaysia mulai 1hb Januari, 1970. Kenaikan kadar-kadar pembayaran ditambahkan pula dengan gaji tunggakan yang berpunca daripada kenaikan tersebut telahpun menyebabkan peruntukan di bawah Kepala B.17 Kementerian Pertahanan ini seperti yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada tahun 1972 tidak mencukupi sebanyak \$112,210,164.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$112,210,164 untuk Kepala B.17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 22, B. 24 dan B. 25; P. 21 dan P. 26—

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan wang sejumlah \$3,616,195 di bawah Kepala B. 22 dan B. 24 di dalam Jadual Pertama bilangan tambahan peruntukan 1973 sebagai tambahan ketiga bagi tahun 1972 dan wang sejumlah \$15,000,000 di bawah B. 25 di Jadual Kedua bilangan tambahan peruntukan 1972 dan 1973 sebagai tambahan pertama bagi tahun 1973 dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 22 Perkhidmatan Awam Perbendaharaan, Pecahan-kepala 4100—Pemberian, Subsidi dan Carum-carum. Berikutan dengan perpisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965 beberapa tuntutan-tuntutan dan tuntutan balik telah dibangkitkan oleh Malaysia dan Singapura di antara satu sama lain berhubung dengan perkara-perkara polis, pertahanan, pelajaran, pencen dan ganjaran dan perkhidmatan kajicuaca. Perbezaan bersih yang kena dibayar oleh Malaysia kepada Singapura selepas dikira tuntutan dan tuntutan balik ini ialah sebanyak \$397,006.62. Oleh itu peruntukan sebanyak \$397,007 adalah dikehendaki untuk membiayai Perbelanjaan di atas. Jumlah ini telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Pecahan-kepala 5500—Pelbagai. Peruntukan tambahan sebanyak \$225,668 adalah dikehendaki bagi mengganti nilai barang-barang yang telah dilupuskan oleh Lembaga Pemeriksa di Setor Perubatan Petaling Jaya. Peruntukan Tambahan sebanyak \$800,000 adalah dikehendaki di bawah "Perkhidmatan Rahsia" oleh kerana peruntukan yang telah disediakan sebanyak \$1.5 juta adalah didapati tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan dalam tahun 1972. Jumlah-jumlah tersebut di atas telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Kepala B. 24—Kastam dan Eksais Diraja.

Pecahan-kepala 1100—Gaji dan Upah, Pecahan-kepala 1200—Elaun dan lain-lain Habuan Wang. Tambahan sebanyak \$1,986,520 adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran tunggakan dan gaji kakitangan di Malaysia Timur berikutan dengan perlaksanaan dengan Sekim Gaji Suffian.

Pecahan-kepala 2100—Perjalanan dan Pengangkutan Orang.

Pecahan-kepala 2300—Kemudahan Perhubungan, Pecahan-kepala 2700—Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan.

Peruntukan sebanyak \$207,000 adalah dikehendaki seperti berikut:

- (i) \$115,000 bagi membiayai perbelanjaan perjalanan kakitangan yang bertambah berikutan dengan perlaksanaan Akta Cukai Jualan, 1972 dan pertukaran-pertukaran kakitangan dalam tahun 1972.
- (ii) \$7,000 untuk menemui perbelanjaan panggilan talipon yang bertambah berikutan dengan perlaksanaan Akta Cukai Jualan, 1972, dan
- (iii) \$85,000 bagi membiayai pembelian minyak petrol dan barang-barang gantian untuk lanci-lanci, bot-bot laju dan kereta-kereta Jabatan di bawah aktiviti Perlaksanaan. Jumlah ini telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Kepala B.25 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Pecahan-kepala 5500—Pelbagai. Peruntukan sebanyak \$5 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada LPN sebagai modal pusingan bagi membolehkan Lembaga membeli 100,000 tan beras untuk simpanan stockpilenya. Jumlah ini telah didahulukan daripada peruntukan Kumpulan-wang Luar Jangka. Peruntukan yang ada sekarang sebanyak \$40 juta dalam Kumpulan-wang Luar Jangka adalah didapati tidak mencukupi oleh kerana bertambahnya bilangan pendahuluan yang dikeluarkan dalam tahun-tahun yang lalu. Oleh kerana itu peruntukan tambahan sebanyak \$10 juta adalah dikehendaki sekarang bagi menambah Kumpulan-wang Luar Jangka.

Anggaran Pembangunan. Hanya dua Kepala perbelanjaan yang terlibat di bawah

Anggaran Pembangunan yang melibatkan Kementerian Kewangan iaitu:

- (1) Kepala Pembangunan 21—untuk Tambahan Ke empat tahun 1972, dan
- (2) Kepala Pembangunan 25 untuk Tambahan Pertama tahun 1973.

Kepala P.21—Perbendaharaan-perbendaharaan Pecahan-kepala 8—Pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi Pembangunan Lingkungan Kawasan Perdagangan dan Kawasan Perusahaan.

Kerajaan telah mengambil ketetapan memperuntukan pinjaman berjumlah \$4,082,300 kepada Kerajaan Negeri Melaka bagi tujuan yang berikut:

- (i) \$1 juta untuk Pembangunan Lingkungan Kawasan Perdagangan Bebas dan kompleks perindustrian di Tanjong Kling;
- (ii) \$1,482,000 untuk pembangunan lingkungan kawasan Perdagangan Bebas di Bukit Sebukor, Batu Berendam; dan
- (iii) \$1.6 juta untuk Kawasan Perindustrian di Ayer Kroh.

Daripada jumlah pinjaman sebanyak \$4,082,300 peruntukan sebanyak \$800,000 adalah dikehendaki untuk dikeluarkan dalam tahun 1972 mengikut jadual pengeluaran dalam perjanjian pinjaman.

Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan sebanyak \$800,000 yang telah di dahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan juga meminda harga anggaran pecahan kepala ini daripada \$12 juta kepada \$16.1 juta.

Kepala P. 26—Kastam Dan Eksais Diraja, Pecahan-kepala 32. Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan untuk mencegah penyeludupan, untuk mencegah kegiatan penyeludupan di Sabah. Keputusan telah diambil bagi membeli motor lanci yang panjangnya 60 kaki dengan harga \$600,000 bagi kegunaan Bahagian Pencegah Penyeludupan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Sabah. Peruntukan sebanyak \$300,000 adalah dikehendaki bagi membiayai bayaran kontrek dalam tahun 1973 dan baki-nya akan diperuntukkan dalam Anggaran tahun 1974. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,422,675 untuk Kepala B. 22; \$2,193,520 untuk Kepala B. 24; dan \$15,000,000 untuk Kepala B. 25 disetujui menjadi sebahagian daripada Jadual; dan \$800,000 untuk Kepala P. 21 dan P. 26 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) 1973.

Kepala B. 26 dan P. 26—

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membentangkan peruntukan tambahan (Pembangunan) Tahun 1972 bagi Pecahan-pecahan Kepala yang tersebut di bawah ini.

Kepala P. 26—Pecahan-kepala (iii) Pemberian kepada Universiti Malaya bagi Hospital Latihan Petaling Jaya, Ward Tambahan dan lain-lain.

Fakulti Perubatan di Universiti Malaya telah melancarkan pengambilan yang maksima penuntut-penuntut perubatan di Universiti itu untuk menentukan bahawa kadar piawaian seperti yang diterima di peringkat antarabangsa, maka adalah perlu menambahkan katil-katil di Hospital Universiti itu. Adalah juga perlu pesakit-pesakit yang dihadapi berbagai jenis penyakit diterima masuk ke hospital ini untuk menggunakan berbagai sumber pelajaran kepada penuntut-penuntut perubatan di universiti itu. Sebuah ward 4 tingkat adalah sedang dibina dengan hospital yang ada tapak kosong yang telah sedia.

Satu Pecahan-kepala baru telahpun diwujudkan supaya kerja-kerja tambahan ini boleh ditunjukkan secara berasingan. Ini akan membolehkan Pecahan-kepala yang asal untuk Hospital Universiti di Petaling Jaya ditutup. Wang adalah diberikan sebagai pemberian kepada Universiti Malaya selaras dengan amalan-amalan sekarang di mana peruntukan Pembangunan diberikan kepada Universiti Malaya yang ditadbir dan diuruskan oleh mereka sendiri.

Pecahan-kepala 44. Kenderaan dan Bot-bot, Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua sejumlah \$1.2 juta telah diperuntukan bagi kenderaan dan bot-bot supaya membolehkan Jabatan Kesihatan menambahkan Pergerakan Perkhidmatan Kesihatan untuk membolehkan Perkhidmatan dimajukan ke kawasan-kawasan yang terpencil di negeri itu. Jumlah wang ini adalah untuk membeli ambulan land rover, dispensari yang bergerak di sungai dan bot-bot yang dilengkapi

dengan outboard motor atau motor sangkut. Wang untuk rancangan ini telah diperolehi dan beberapa pecahan-kepala seperti Rancangan Memperbaiki Rancangan Kesihatan Luarbandar dan memperbaiki hospital dan lain-lain. Dalam Rancangan Malaysia Kedua sekarang ini akan dipindahkan daripada berbagai Pecahan-kepala kepada satu Pecahan-kepala yang khas. Tujuan menunjukkan Pecahan-kepala khas ini adalah untuk membolehkan pembelian semua kenderaan dan bot-bot ditunjukkan dalam satu Pecahan-kepala sahaja supaya kawalan yang lebih baik dapat diadakan bagi rancangan itu yang mana diberikan keutamaan yang tinggi oleh Kementerian Kesihatan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan ke kawasan terpencil di Sarawak.

Tuan Pengurus, di bawah B. 26 sebanyak \$28,684,950 wang Tambahan ini adalah terdiri daripada \$24,663,015 bagi Pecahan-kepala 1000—Gaji-gaji dan Upahan, dan \$4,021,935 bagi Pecahan-kepala 2700—Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan. Wang Tambahan bagi Pecahan-kepala 1000—Gaji-gaji dan Upahan adalah terdiri dari \$13,881,282 bagi Semenanjung Malaysia, \$4,714,333 bagi Sarawak dan \$6,067,400 bagi Sabah. Peruntukan-peruntukan tambahan ini adalah dikehendaki untuk menyelesaikan pembayaran gaji bagi kakitangan yang bertambah bilangannya dalam tahun 1972. Peruntukan bagi Negeri Sarawak dan Sabah yang berjumlah \$10,781,733 itu ialah untuk menyelesaikan pembayaran tunggakan kakitangan di bawah Jabatan ini dengan kerana negeri-negeri itu telah melaksanakan sistem Gaji Suffian di dalam tahun yang tersebut itu. Pecahan-Kepala 27—Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan yang bertambah sebanyak \$4,021,935 adalah dikehendaki di bawah Pecahan-kepala ini dengan kerana peruntukan itu dikehendaki untuk membeli bekalan dan bahan-bahan terutama sekali bekalan dadah dan perubatan yang lain yang dikehendaki bertambah dalam tahun 1972 dengan sebab penambahan perkhidmatan rawatan pesakit.

Selain daripada itu peruntukan ini juga dikehendaki untuk menyelenggarakan tambahan harga barang-barang makanan di hospital-hospital. Selain daripada itu tambahan peruntukan itu juga adalah disebabkan pembelian-pembelian bekalan dan dadah kerana wabak taun yang sebahagian besar negeri-negeri ini di Malaysia dan memberi

bekalan-bekalan bagi menunggu kedatangan musim tengkujuh.

Tuan Pengurus, saya mohon mencadangkan.

Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah (Betong): Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh sedikit di bawah Kepala P. 26, Kementerian Kesihatan dan saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I refer to Sub-head 1100; item 2 (b) on page 16, Kertas Perintah 13/1973 under Public Health Services for Sarawak where an additional sum of \$1,697,079 is requested for 1972.

The newly introduced mobile dental clinic plying along the Serian/Simanggang Road from Kuching to Pantu has proved very popular with the people. I hope more such mobile dental clinics will be introduced in Sarawak to cover such areas as Simanggang, Lubuk Antu, Betong, Spaoh, Debak, Pusa, Saratok, Sarikei, Julau, Durin, Sibu, Oyah, Bintulu and Miri.

While, on this subject of health services to the public, I wish to request the Government to make available kidney dialysis machines to treat those suffering from kidney trouble in Sarawak. Kuching General Hospital, Low Keng Haw Hospital at Sibu, Simanggang General Hospital and the Miri General Hospital must be supplied with these machines. At the moment, patients are sent to Kuala Lumpur. Recently an ex-Assemblyman from Sarawak died because of late treatment and because no facilities were available in Sarawak hospitals. There are many more cases. I hope the Government will look into this matter urgently. Sickness does not wait for us. We must be always ready and be prepared. I was told a small kidney machine costs only about \$10,000. Therefore, 4 such machines for a start will cost about \$40,000. Training then can be given for health personnel at Kuala Lumpur to man these machines.

Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang): *(Dengan izin)* May I refer to muka 16 on Gaji, item 2 (a) Malaysia Barat. Sir, much has been said in this House before that there has been an alarming shortage of nurses and staff like hospital assistants in our country. I wonder whether the Ministry has any plans to solve this long term problem.

Another problem is with regard to specialists. I am told that in the Penang General Hospital a number of specialists had resigned some time ago. In this respect, may I know whether the Honourable Minister has considered any incentives for medical specialists in order to prevent this brain drain.

Another problem, Sir, is that nurses have been given very short notices for transfers. I think this has occurred quite a number of times and I wonder whether the Honourable Minister is aware of it. As far as I am concerned, at least there are two cases I have come across where these nurses were given less than a week's notice. Fortunately, for these nurses they are single. Assuming that they are married with a family to take care of, that would be a bigger problem with regard to transportation. I hope that this matter would be solved in due course or at least the Ministry should look into this and two weeks' or a month's notice should be given for transfers of nurses.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Betong (Sarawak). Langkah-langkah telahpun diambil oleh Kementerian saya untuk membaiki perubatan dan kesihatan di negeri Sarawak. Langkah ini telah diambil oleh Kementerian saya dan saya percaya dengan langkah ini perkhidmatan perubatan di Sarawak ini akan bertambah baik. Akan tetapi satu masalah yang telah ditimbulkan ialah oleh kerana kekurangan kakitangan. Kementerian Kesihatan telah mengadakan berbagai-bagai langkah yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan kakitangan yang diamalkan pada masa sekarang.

Berkaitan dengan kidney machine yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, perkara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian saya dan saya telah menjawab soalan ini dalam Dewan yang mulai ini dalam masa yang lepas. Saya suka memberitahu kepada Yang Berhormat itu bahawa pada masa sekarang sungguhpun harga mesin ini tidak berapa mahal, akan tetapi pada masa sekarang kita tidak mencukupi kakitangan yang mahir untuk mengendalikan kidney machine sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian saya akan mengkaji dengan dalamnya bagaimanakah langkah-langkah boleh diambil untuk mengadakan kidney machine ditubuhkan di hospital di Kuching pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang disebabkan soal kekurangan jururawat. Perkara ini saya telah jawab beberapa kali di dalam Dewan ini. Pada fikiran saya, saya tidak payah hendak ditambah lagi di atas jawapan yang saya sudah jawab pada masa yang lepas.

Berkenaan dengan doktor-doktor pakar yang sudah berhenti daripada Hospital Besar Pulau Pinang, soal ini telah diatasi. Oleh kerana Kementerian saya telah mengambil langkah untuk menukarkan pakar-pakar yang berkhidmat di hospital lain ke Hospital Besar di Pulau Pinang.

Yang sebenarnya, kita tidak ada brain drain di negeri ini, pakar-pakar ini bersara dan berkhidmat di sebuah hospital private atau sebuah hospital swasta yang didirikan oleh pihak swasta di Pulau Pinang dan juga kita bukan ada satu kerugian kepada Kerajaan, akan tetapi ini satu keuntungan kepada rakyat yang mampu membayar wang yang lebih di hospital private di Pulau Pinang yang sedang berkhidmat kepada rakyat sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Ahli Yang Berhormat? Ada satu minit lagi kalau hendak habiskan bagi Kementerian ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, inilah sahaja jawapan daripada saya. Terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$28,684,950 untuk Kepala B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan \$20.00 untuk Kepala P.26 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1972.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

PENANGGUHAN

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN**Sistem Ejaan Baru Bahasa Malaysia**

Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, ucapan penangguhan saya pada petang ini adalah mengenai satu perkara yang telah menjadi buah mulut berjuta-juta rakyat Malaysia yang menghormati bahasa Malaysia kita. Sistem ejaan baharu yang akan menjadi asas ejaan bahasa Malaysia kita

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(Locing dibunyikan, Ahli-ahli dikira, kurang dari 26 orang hadir)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Koram tak cukup. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 16hb Julai, 1973.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.